

## **BAB 1**

# **PENGENALAN ISRAILIYYAT**

— 1 —

## BAB 1

### PENGENALAN ISRAILIYYAT

#### 1.1 Pengertian

Kajian tentang Israiliyyat lebih banyak bergantung kepada pengertian secara *harfiyyah* dan asal usul sejarah. Justeru, ia membabitkan persoalan-persoalan yang begitu jauh dalam sejarah tamadun Islam dan Israil. Kajian ini mustahak diperkenalkan Israiliyyat secara umum yang meliputi bahasa, penggunaan, sejarah serta hubungannya dengan pengajian hadith.

##### 1.1.1 Bahasa

Perkataan Israiliyyat berdasarkan beberapa sumber merujuk kepada beberapa pengertian, antaranya:

- a. Ia berasal dari bahasa Hebrew ('Ibrani)<sup>1</sup> yang terdiri dari dua perkataan iaitu *Isrā* dan *'il*. *Isrā* ertiinya hamba atau kesucian dan *'il* ertiinya Allah. Oleh itu *Isrā'īl* bererti hamba Allah atau kesucian Allah daripada ciptaan-

<sup>1</sup> Asalnya bangsa Yahudi tidak mempunyai bahasa yang khusus. Hebrew yang dinisbahkan kepada mereka bukanlah berasal dari bahasa Yahudi. Bahasa ini asalnya dipertuturkan oleh penduduk Kan'ān. Banū Israil mempelajari bahasa ini ketika memasuki negeri Kan'ān sekitar tahun 1400 – 1000 S.M.. Mereka mendapat penduduk Kan'ān menuturkan bahasa yang dikuasai oleh majoriti penduduknya (Palestin). Justeru, mereka menjadikan bahasa penduduk Kan'ān ini sebagai bahasa pertuturan mereka berkurn-kurun hingga nama ini dibawa oleh para nabi bangsa Yahudi dalam kurun ke 8 S.M.. Bahasa ini secara berperingkat-peringkat dinisbahkan kepada mereka sehingga menamainya dengan Hebrew. Sedangkan bahasa *Kan'āniyyah* adalah berasal dari bahasa Arab kuno. Tharwat Anis al-Asyūṭī (1985), *Banū Isrā'īl*. Libya: al-Hay'ah al-Qawmiyyah li al-Baḥth al-'Ilm, h. 11.

Nya<sup>2</sup>. Israiliyyat adalah kata *jama'*, *mufradnya Isrā'īliyyah*, kata nama sifat yang dinisbahkan kepada perkataan *Isrā'īl*.

- b. Menurut kitab Taurat, *Isrā'īl* ialah nama yang diberikan oleh Allah kepada Nabi Ya'qūb 'a.s. yang berjuang bersama-sama Allah dan manusia. Baginda dikurniakan 12 orang anak lelaki<sup>3</sup>. Lantaran itu, semua keturunan Nabi Allah Ya'qūb 'a.s. serta perkara yang berkaitan dengannya dinisbahkan kepada nama *Isrā'īl* dan dalam bahasa Arabnya dipanggil *Isrā'īliy* atau *Isrā'īliyyah*.
- c. Perkataan Israiliyyat juga merujuk kepada Bani Israil atau bangsa Yahudi atau *al-Asbāt* panggilan bagi bangsa Yahudi dan kabilah panggilan bagi bangsa Arab. Semuanya merujuk makna yang sama<sup>4</sup>. Al-Qur'an banyak kali menyebut perkataan Israil yang merujuk kepada mereka, contohnya surah al-Baqarah (2) ayat 136<sup>5</sup>. Keturunan Bani Israil yang dikenali dengan Yahudi, ialah mereka yang beriman dengan Nabi Mūsā 'a.s.. Manakala mereka yang beriman dengan Nabi 'Isā dipanggil dengan

<sup>2</sup> Syawqī Ibrāhim 'Alī 'Abd Allāh (1991), Dr., *Muqāranah al-Adyān : Buḥūth fī al-Yahūdiyyah wa Tārikhihā wa 'Aqā' idihā wa Aham Firaqihā wa Mawqif al-Islām Minhā*. Kaherah : Dār al-Tibā'ah al-Muhammadiyyah, h. 11; Muhammad Sayyid Tanṭawī (1997), Dr., *Banū Isrā'īl fi Al-Qur'ān wa al-Sunnah*. Kaherah : Dār al-Syrūq, h. 12.

<sup>3</sup> Abū Muḥammad 'Abd Allāh bin Muslim bin Qutaybah (t.t.), *al-Ma'ārif*, c. 2. Mesir: Dār al-Ma'ārif, h. 39; Ahmad Ḥijāzī al-Saqā (1978), Dr., *Allāh wa Sifātuh fī al-Yahūdiyyah wa al-Nasrāniyyah wa al-Islām*. Mesir: Dār al-Nahdah al-'Arabiyyah, h. 34.

<sup>4</sup> Muḥammad 'Izzah Darūzah (1969), *Tārikh Bani Isrā'īl min Asfārihim*. Beirut : Al-Maktabah al-'Asriyyah, h. 63; Yaḥyā Muḥammad 'Alī Rabi' (1994), Dr., *al-Kutub al-Muqaddasah Bayn al-Sīhhah wa al-Taḥrīf*. Al-Manṣūrah: Dār al-Wafā', h. 89; Shābir Tu'aymah (1979), Dr., *al-Turāth al-Isrā'īliy fī al-'Ahd al-Qadīm wa Mawqif Al-Qur'ān Minh*. Beirut : Dār al-Jīl, h. 28; Mahmūd bin al-Syarīf (1991), Dr., *al-Yahūd Fī Al-Qur'ān*, Beirut : Dār wa Maktabah al-Hilāl, h. 12.

<sup>5</sup> Antaranya, dalam surah al-Mā'idah ayat 78, surah al-Isrā' ayat 4 dan surah al-Naml ayat 76.

Nasrani dan yang beriman dengan Nabi Muhammad s. 'a.w. dipanggil Ahli Kitab<sup>6</sup>.

- d. Menurut sumber Yahudi, Ya'qūb adalah nama yang digunakan oleh bangsa Arab yang bermaksud perampas. Manakala Isrā'il ialah nama yang diberikan oleh tuhan-tuhan agung mereka di Kan'ān (Syām)<sup>7</sup>. Justeru ia bermaksud tuhan-tuhan agung yang berada di tempat ibadat mereka di sebuah negeri bernama Bayt 'Il<sup>8</sup>. Mereka mendakwa bahawa tuhan-tuhan telah memanggil Ya'qūb, lalu berkata: *Nama engkau ialah Ya'qūb tetapi engkau tidak akan dipanggil lagi dengan nama ini, engkau akan dipanggil dengan Isrā'il.* Bersempena dengan ini Ya'qūb dinamakan dengan Isrā'il. Tuhan-tuhan mereka berkata lagi kepada Ya'qūb: *Aku adalah tuhan yang berkuasa, aku beranak pinak dan aku membiak.*
- e. Antara lain, perkataan Isrā'il juga membawa erti 'Abd Allāh (hamba Allah). Isrā'il ialah tawanan tuhan lalu menjadi hamba tuhan. Mereka

<sup>6</sup> Ahli Kitab adalah terdiri dari Yahudi dan Nasrani, namun kebiasaan mereka perkataan ini dominan kepada pengikut Yahudi kerana mereka lahir dalam golongan yang mendiami Madinah dan sekitarnya. Mereka juga kalangan yang banyak membawa cerita dan riwayat Israiliyyat ke dalam sumber Islam. Justeru perkataan Israiliyyat disandarkan kepada mereka. Ahli Kitab adalah mereka yang masih berpegang dengan ajaran asal Nabi Mūsā dan Nabi 'Isā 'a.s. Nama Yahudi ini digunakan oleh kaum muslimin selepas kebangkitan Rasulullah s. 'a.w. dan menjadi sebutan kepada kaum itu sendiri serta umat Islam hingga ke hari ini. Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah (1988), Dr., *al-Isrā' ilīyyāt wa al-Mawdū'āt fī Kutub al-Tafsīr*, c. 4. Kaherah: Dār Maktabah al-Sunnah, h. 12.

<sup>7</sup> Menurut maklumat dalam kitab Taurat, ia bermaksud tuhan-tuhan yang disembah oleh Ya'qūb di Kan'ān. Ya'qūb telah membeli sebuah ladang kepunyaan Syakhīm bin Jamūr dari kalangan penduduk Syakhīm dengan bayaran 100 ekor kambing betina. Lalu beliau mendirikan khemahnya di situ dan membina tempat penyembelihan dan menamakannya dengan 'Il iaitu Tuhan Israel. Abū al-Fidā' Ismā'il bin Kathīr (1992), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Kaherah: Dār al-Hadīth, 1 : 202; Al-Asyū'i (1985), *op.cit.*, h. 162 dan 163; *Al-Kitāb al-Muqaddas, sifr al-Takwīn*, 35/15 dan 33/19 dan 20.

<sup>8</sup> Ia ialah Bayt Allāh iaitu tempat Baitul Maqdis sekarang yang dibina oleh Nabi Ya'qūb, kemudian dibaharui pembinaannya oleh Nabi Sulaymān. Ia adalah sebuah batu besar yang dicat sebelumnya oleh Nabi Ya'qūb. Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, 1: 200 dan 202.

mendakwa bahawa Isrā'īl ialah nama yang paling lama dalam sejarah bangsa mereka bermula dari kurun ke 13 S.M.<sup>9</sup>.

- f. Bahkan menurut sumber lain lagi, Isrā'īl ialah nama datuk kepada Bani Israel iaitu Nabi Ibrahīm 'a.s.<sup>10</sup>.

### 1.1.2 Istilah

Dalam konteks penggunaan perkataan Israiliyat<sup>11</sup> secara umum adalah merujuk kepada:

قصةُ أُو حَادِثَةٌ تُرَوَى عَنْ مَصْدِرٍ إِسْرَائِيلِيٍّ<sup>12</sup>

Maksudnya: *Cerita atau peristiwa yang dibawa dari sumber Isrā'īl.*

Perkataan ini mula diperluas penggunaannya oleh ulama tafsir dan hadith berdasar pengaruh dan penglibatannya, antaranya:

- a. Israiliyat ialah segala ciri dan sifat yang berhubungan dengan Yahudi dan Nasrani, namun lebih dominan ia merujuk kepada golongan Yahudi. Ini adalah kerana mereka golongan yang lebih menonjol, mempunyai pengaruh yang luas di dalam sumber-sumber Islam serta golongan yang paling ramai memeluk Islam berbanding Nasrani<sup>13</sup>.

<sup>9</sup> Al-Asyūṭī (1985), *op.cit.*, h. 163.

<sup>10</sup> *Dā'irah al-Ma'ārif al-Islamiyyah* (1965). Kaherah : al-Hay'ah al-'Āmmah al-Kitāb, 3:292.

<sup>11</sup> Untuk perkataan 'riwayat', penulis akan membicarakannya di Bab 3 nanti kerana keselarian perbincangan dengan definisi hadith.

<sup>12</sup> Muhammad al-Sayyid Husayn al-Dhahabī (1985), *al-Isrā'īliyyāt fi al-Tafsīr wa al-Hadīth*, c. 2. Damsyik : Dār al-'Imān, h. 19; Ṣābir Tu'aymah (1979), *op.cit.*

<sup>13</sup> Muhammad Husayn al-Dhahabī (1976), *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*, c. 2. T.T.P., T.P., I:165.

- b. Ia juga merujuk kepada semua cerita atau dongeng yang disandarkan kepada sumber-sumber Yahudi, Nasrani atau selain daripada keduanya ke dalam sumber-sumber tafsir dan hadith<sup>14</sup>.
  
- c. Antara lain lagi, perkataan Israiliyyat merujuk kepada semua pegangan yang tidak berdasarkan akidah Islam lebih-lebih lagi pegangan dan dongeng Yahudi dan Nasrani yang menular ke dalam sumber Islam sejak kurun pertama Hijrah<sup>15</sup>.
  
- d. Ulama hadith juga menggunakan perkataan Israiliyyat ke atas segala cerita bangsa Yahudi berbanding bangsa lain<sup>16</sup>. Hal ini dibayangkan sendiri oleh Allah dalam Al-Qur'an, firman-Nya:

لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ النَّاسَ عَدَوَةً لِّلَّذِينَ آمَنُوا إِلَيْهُو وَالَّذِينَ أَشْرَكُوا

Surah al-Mā'idah (5): 82.

Terjemahannya : Demi sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati manusia yang keras sekali

<sup>14</sup> Ibn Qutaybah (t.t.), *op.cit.*, h. 11; 'Abd Allāh 'Alī Ja'far Musā' id Muslim (1984), *Athar al-Taṭawwur al-Fikr fī al-Tafsīr fī al-'Aṣr al-'Abbāsiy*. Beirut : Mu'assasah al-Risālah, h. 120; Al-Dhahabi (1985), *op.cit.*, h. 20.

<sup>15</sup> Ibn Hisyām (m. 218 H) yang juga seorang ahli sejarah telah menyenaraikan beberapa golongan Yahudi yang memusuhi Islam dan munafik, seperti Huyay bin Akhtab dan saudaranya Yāsir bin Akhtab, Ka'ab bin al-Asyraf, Kardam bin Qays, 'Abd Allāh bin Suriya al-A'war pendeta Yahudi yang mahir tentang Taurat pada zamannya di Hijāz, Sa'd bin Hunīf, 'Uzayz bin Abū 'Uzayz, Ka'ab bin Asad, Mālik bin 'Awf dan lainnya. Abū Muḥammad 'Abd al-Malik bin Hisyām bin Ayyūb al-Ḥimyariyy (1994), *al-Sī'ah al-Nabawiyyah*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, 1 : 23-25, 2 : 127 dan 128.

<sup>16</sup> Ini adalah kerana mereka adalah kaum yang suka membawa cerita dongeng, palsu dan khurafat samada rekaan mereka sendiri atau dari kitab mereka atau juga yang disampaikan secara lisan dari satu generasi ke satu generasi. Mereka adalah bangsa yang mempunyai hubungan yang erat dengan orang-orang Islam dan mereka lah orang yang paling memusuhi Islam dan umatnya serta paling banyak membawa cerita-cerita Israiliyyat ke dalam sumber Islam. Al-Dhahabi (1985), *op.cit.*, h. 21; Al-Dhahabi (1976), *op.cit.*, 1 : 165-166.

*permusuhananya kepada orang-orang yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang musyrik.*

Justeru, riwayat berunsur Isriliyyat merujuk kepada:

- a. Cerita-cerita atau maklumat daripada golongan Yahudi tumpuan kepada kisah tentang permulaan penciptaan alam dan rahsianya, para nabi dan rasul serta umat-umat terdahulu serta *ghaybiyyāt* sebagai perincian terhadap kandungan Al-Qur'an dan hadith.
- b. Riwayat yang dibawa oleh segelintir ulama berdasarkan cerita serta khabar yang dinisbahkan kepada Rasulullah s.'a.w., Sahabat, *Tābi'iñ* dan *Tābi'i al-Tābi'iñ*.
- c. Cerita-cerita dan khabar-khabar tentang agama dan kehidupan yang diambil dari golongan Ahli Kitab Yahudi dan Nasrani atau selain dari mereka bersumberkan Injil, Taurat, *Asfār* dan Talmūd.

## 1.2 Pengertian Manuskrip Hadith Melayu

Manuskrip bercorak Islam adalah karya yang paling banyak dihasilkan di alam Melayu. Namun begitu, penulis tidak bercadang mengkaji kesemua manuskrip bercorak Islam namun hanya memfokuskan kepada manuskrip hadith Melayu mengikut kesesuaian dengan bidang kajian. Justeru, penulis merasakan mustahak diperkenalkan terlebih dahulu definisi manuskrip hadith Melayu, agar lebih jelas dan menepati maksud kajian.

### **1.2.1 Pengertian Manuskrip**

Perkataan manuskrip adalah berasal dari bahasa Latin yang terdiri dari dua perkataan iaitu *manus*<sup>17</sup> yang bermaksud tangan dan *scriptus* ertiinya tulisan. Ia bererti tulisan tangan. Ia juga boleh dimaksudkan sebagai versi atau bahan (sesuatu karya) yang telah disediakan oleh penulis (editor dsb.) untuk dicetak dan diterjemahkan dalam bentuk buku dan lainnya. Ia juga merangkumi artikel, dokumen atau sebarang tulisan yang ditulis dengan tulisan tangan atau ditaip, yang merupakan naskhah asal penulis dan bersedia untuk dicetak<sup>17</sup>. Manuskrip dalam bahasa Arab dipanggil *makhṭūṭah* yang membawa erti dan maksud yang sama<sup>18</sup>.

### **1.2.2 Pengertian Melayu**

Berdasarkan beberapa sumber, penulis akan mengemukakan di sini beberapa definisi dan huraiyan terhadap perkataan ‘Melayu’, antaranya:

- a. Secara umumnya ia adalah nama khas untuk satu kelompok suku bangsa dan bahasa di sekitar Kepulauan Melayu (terutama di Semenanjung Malaysia)<sup>19</sup>.

<sup>17</sup> Teuku Iskandar (1998), Dr., *Kamus Dewan*, e. 3, c. 4. Kuala Lumpur: DBP, h. 860; William Morris (ed.) (1969), *The American Heritage Dictionary of The English Language*, c. 3. New York: American Haerritage Publishing, h. 796.

<sup>18</sup> Ibrāhim Madkūr (1980), Dr., *al-Mu'jam al-Wajīz*. Mesir: Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah, h. 203; Ibrāhim Muṣṭafā et al. (1960), *al-Mu'jam al-Wasīt*. Istanbul: Al-Maktabah al-Islāmiyyah, l: 244.

<sup>19</sup> Teuku Iskandar (1998), *op.cit*, h. 874.

- b. Ia juga digunakan sebagai nama am bagi pelbagai kelompok serumpun bahasa di kalangan kelompok Bahasa Melayu-Polinesia (Austronesia)<sup>20</sup>.

Dari aspek sosial dan budaya yang luas, ia membawa maksud mereka yang mendiami wilayah-wilayah Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Selatan Thailand, pesisir timur Pulau Sumatera, pesisiran Pulau Borneo, dan di merata kawasan yang dipanggil sebagai Gugusan Pulau-Pulau Melayu atau Nusantara<sup>21</sup>. Penduduknya menggunakan bahasa dan loghat yang berbagai serta suku bangsa namun merupakan penutur teras bahasa Melayu. Bangsa Melayu adalah antara bangsa yang besar di dunia<sup>22</sup>.

Oleh itu, manuskrip Melayu ialah hasil sastera Melayu Tradisional bertulis tangan dalam tulisan Jawi oleh penulis Melayu. Penghasilan manuskrip merujuk kepada hasil karya bertulis tangan sebelum ~~sesuatu~~ masyarakat mempunyai alat percetakan.

<sup>20</sup> Dewan Bahasa Dan Pustaka (1998), *op.cit.*, 3 : 1503.

<sup>21</sup> Nusantara merujuk pengertiannya dari sudut geografi, ia adalah terdiri daripada rantau yang luas dan memanjang dari utaranya Indocina (selatan Vietnam dan Kemboja), menurun melalui Segenting Kra hingga ke selatan Burma dan Semenanjung Tanah Melayu, termasuk Singapura. Manakala di bahagian selatan pula terdiri daripada wilayah kepulauan yang dipisahkan oleh laut dan selat. Ke arah tenggara, kawasan ini terdiri daripada Pulau Kalimantan dan Kepulauan Filipina di Laut China Selatan, manakala di barat daya dan selatan merentasi Selat Melaka terdapat Kepulauan Indonesia. DBP (1998), *op.cit.*, 3 : 1643.

<sup>22</sup> Budaya antara kelompok Melayu berbeza disebabkan pengaruh penjajahan. Filipina dikuasai oleh Perancis, Indonesia oleh Belanda dan Semenanjung Tanah Melayu oleh Inggeris(British). DBP (1998), *op.cit.*, 3 : 1503; S. Husin Ali (1979), *Orang Melayu: Masalah Dan Masa Depannya*. Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi, h. 1.

### 1.2.3 Pengertian Hadith

Penulis merasakan wajar dikemukakan di sini pengertian hadith kerana kesinambungan kepada pengertian kategori manuskrip kajian ini. Adalah tidak lengkap membawa erti manuskrip sahaja tanpa mengaitkan dengan definisi hadith yang merujuk maksud kajian, di samping ilmu hadith yang melibatkan sanad dan matan. Justeru, Untuk membicarakan tentang pengertian hadith secara umum ia dapat dikategorikan kepada dua aspek, iaitu bahasa dan istilah. Perbincangannya adalah sebagaimana berikut:

#### a. Bahasa

Hadith menurut pengertian bahasa dapat dijelaskan dengan beberapa erti yang berbeza-beza. Antaranya yang biasa digunakan ialah hadith bermaksud:

- i. Sesuatu yang baru, lawan kepada *qadim*<sup>23</sup>.
- ii. Perkhabarann<sup>24</sup> yang dapat dijelaskan melalui ayat ini:

وَهَلْ أَتَنَّكَ حَدِيثُ مُوسَىٰ ﴿٩﴾

Surah Tâhâ (20) :9

Terjemahan: *Dan sudahkah sampai kepadamu (Wahai Muhammad) perihal Nabi Musa? -*

- iii. Percakapan, antaranya ia dapat dijelaskan sebagaimana berikut:

**Pertama:** Allah berfirman:

وَمَنْ أَصْدَقُ مِنَ اللَّهِ حَدِيثًا

<sup>23</sup> 'Ujâj al-Khatîb (1967), *op.cit.*, h. 26; Abû Zahw (1984), *op.cit.*, h. 26.

<sup>24</sup> Muhammâd Jamâl al-Dîn al-Qâsimî (1979), *Qawâ'id al-Tâhdîth min Funûn Muşâlah al-Hadîth*. Beirut: Dâr al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 61.

Terjemahan: *Dan siapakah pula yang lebih benar perkataannya daripada Allah?*

**Kedua:** Sebagaimana sabda Baginda riwayat Jâbir bin ‘Abd Allâh:

إِذَا حَدَّثَ الرَّجُلُ الْحَدِيثَ ثُمَّ اُنْتَفَتْ فِيهِ أَمَانَةً<sup>25</sup>

Maksudnya: *Apabila seseorang menceritakan sesuatu percakapan (rahsia) kemudian dia pergi, maka percakapan itu adalah suatu amanah.*

- iv. Keterangan, antaranya sebagaimana berikut:

**Pertama:** Firman Allah:

أَقْرَبُ مِنْ هَذَا الْحَدِيثِ تَعْجَبُونَ ﴿٥٩﴾

Surah al-Najm (53):59

Terjemahan: *Maka patutkah kamu merasa hairan terhadap keterangan-keterangan Al-Qur'an ini (sehingga kamu mengingkarinya)?*

**Kedua:** Sebagaimana kata-kata Ibn Mas'ûd:

إِنَّ أَخْسَنَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ وَأَخْسَنَ الْهَدِيَّ مَنْ يُؤْمِنُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ<sup>26</sup>

Maksudnya: *Sebaik-baik hadith ialah kitab Allah dan sebaik-baik hidayah ialah pertunjuk Nabi Muhammad s.a.w.*

- v. Cerita atau kisah. Antara contohnya ialah:

**Pertama:** Allah berfirman:

فَاتَّبَعْنَا بَعْضَهُمْ بَعْضًا وَجَعَلْنَاهُمْ أَحَادِيثَ

Surah al-Mu'minûn (23):44

<sup>25</sup> Al-Tirmidî, Kitab al-Bîr wa al-Šilâh, Bab Ann Majâlis Amânah, no. hadith 1882; Abû Dâwûd, Kitab al-Adab, Bab fi Naql al-Hadîth, no. hadith 4225; Ahmâd, Baqî Musnad al-Mukthirîn, Musnad Jâbir bin ‘Abd Allâh, no. hadith 14531.

<sup>26</sup> Al-Bukhârî, Kitab al-I'tîshâm bi al-Kitâb wa al-Sunnah, Bab al-Iqtidâ' bi Sunan Rasûl Allâh, no. hadith 6735.

Terjemahan: *Lalu Kami binasakan umat-umat yang demikian, lepas satu satut; Dan Kami jadikan perihal mereka sebagai cerita (yang mendatangkan iktibar)...*

**Kedua:** Sebagaimana hadith riwayat Ibn ‘Umar, Nabi bersabda:

وَحَدَّنَا عَنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَا حَرَجٌ<sup>27</sup>

Maksudnya : *Dan perkatakanlah apa yang kamu perolehi dari Bani Israil tanpa halangan.*

vi. Mimpi. Antara contohnya sebagaimana firman Allah:

وَكَذَلِكَ مَكَّنَاهُ لِيُوسُفَ فِي الْأَرْضِ وَلَتَعْلَمُهُ مِنْ تَأْوِيلِ الْأَحَادِيثِ  
Surah Yūsuf (12) : 21

Terjemahan: ...Dan demikianlah caranya Kami menetapkan kedudukan Yusuf di bumi (Mesir, untuk dihormati serta disayangi), dan untuk Kami mengajarkan kepadanya sebahagian dari ilmu ta'bir mimpi...

Sebagai rumusannya, hadith sudut pengertian bahasa ialah yang baru, berita atau khabar iaitu apa sahaja yang diperkatakan serta dikhabarkan daripada seseorang kepada seseorang yang lain.

## b. Istilah

Manakala hadith menurut pengertian istilah telah diberikan dengan berbagai maksud juga, antaranya ialah:

<sup>27</sup>Al-Bukhārī, Kitab *Aḥādīth al-Anbiyā'*, Bab *ma Dhakara 'an Bani Isrā'īl*, no. hadith 3202; Al-Tirmidhi, Kitab *al-'Ilm*, Bab *al-Hadīth 'an Bani Isrā'īl*, no. hadith 2593; Ahmad, *Musnad al-Mukthirin min al-Šahābah*, *Musnad 'Abd Allāh bin 'Amrū*, no. hadith 6198; Al-Dārimi, *al-Muqaddimah*, Bab *al-Balāgh 'an Rasūl Allāh wa Ta'līm al-Sunan*, no. hadith 541.

- i. Menurut penjelasan ulama hadith, hadith ialah segala apa yang diriwayatkan menerusi keizinan daripada Baginda Rasulullah s.'a.w. terlebih dahulu, sama ada ia berbentuk perbuatan, percakapan, kelakuan, ikrar atau penerangan tentang sifat zahir Baginda<sup>28</sup>.
- ii. Menurut majoriti ulama hadith, hadith membawa maksud yang sama, iaitu: Segala ucapan, perbuatan, pengakuan, akhlak dan sifat-sifat peribadi serta sifat kejadian Rasulullah s.'a.w., sama ada sebelum Baginda diutus, seperti: Mengasingkan diri di Gua Hirā' atau selepas diutus menjadi rasul.<sup>29</sup>.

Menurut sebahagian ulama hadith yang lain, mereka mengemukakan pengertian hadith, *athar* dan *khabar* dengan satu makna. Iaitu segala ucapan, perbuatan, pengakuan, akhlak dan sifat-sifat peribadi serta fizikal Rasulullah s.'a.w.. juga dinisbahkan juga kepada Sahabat dan *Tābi'īn*.

Rumusannya, hadith secara umumnya merangkumi segala riwayat yang berkaitan dengan Rasulullah s.'a.w. sama ada sebelum dibangkitkan menjadi Rasul atau selepasnya. *Al-khabar* juga merangkumi segala yang disandarkan kepada Nabi dan selainnya. Manakala *al-athar* pula segala yang disandarkan kepada Sahabat dan sah disandarkan kepada Nabi juga<sup>30</sup>. Adapun khabar yang

<sup>28</sup> Al-Qāsimī (1979), *op.cit.*; Rafa'at Fawzī 'Abd al-Muṭtalib (1978), *al-Madkhal Ilā Tawḥīq al-Sunnah wa Bayānatuhā fī Binā' al-Mujtama'* *al-Islamī*. Mesir: Mua'ssasah al-Khanjī, h. 3; Nūr al-Dīn 'Atr (1997), Dr., *Manhaj al-Naqd fī 'Ulūm al-Hadīth*, c. 3. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'aṣir, h. 27.

<sup>29</sup> Muṣṭafā al-Sibā'i (1978), *al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tasyīr'* *al-Islamī*, c. 2. Beirut: al-Maktab al-Islamī, h. 47; Abū 'Amrū 'Uthmān bin 'Abd al-Rahmān al-Syahrazwārī bin al-Šalāh (1972), *al-Madkhal Ilā 'Ulūm al-Hadīth*, c. 2. Madinah: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, h. 12.

<sup>30</sup> Al-Qāsimī (1979), *op.cit.*; Nūr al-Dīn 'Atr (1997), *op.cit.*, h. 29.

disandarkan kepada Sahabat dipanggil *mawqūf*, manakala khabar yang disandarkan kepada *Tābi'īn* dipanggil *maqtū'*<sup>31</sup>.

### 1.3 Ilmu Hadith :

Kajian ini juga merasakan mustahak membicarakan di sini mengenai ilmu hadith yang merupakan kaedah penting untuk membuat penilaian terhadap kebenaran sesebuah hadith. Iaitu kebenaran yang berkaitan dengan pengucapan, perbuatan, pengakuan juga sifat Baginda, Sahabat juga *Tābi'īn* atau *Tābi'ī al-Tābi'īn*. Justeru, dengan ilmu ini seseorang itu dapat mengetahui juga menilai terhadap kebenaran sesebuah riwayat melalui kajian mengenai perawi-perawi dan kaedahnya<sup>32</sup>.

Perbahasan serta pengajian yang berkaitan dengan ilmu hadith merupakan suatu bidang yang amat penting, sama ada peringkat individu mahupun masyarakat<sup>33</sup>. Dengan ilmu ini membolehkan seseorang itu memahami, berpegang dengan sesuatu hadith serta mengetahui darjat sesebuah hadith sama ada ia diterima atau tertolak<sup>34</sup>. Biarpun sudut lahirnya terdapat pembahagian di antara *riwāyah* dengan *dirāyah*, namun sebenarnya antara keduanya mempunyai hubungan yang erat dan kukuh sekali.

<sup>31</sup> Syarf al-Dīn 'Alī al-Rājihi (t.t.), *Muṣṭalah al-Ḥadīth wa Atharuh 'alā al-Dars al-Lughawī 'Ind al-'Arab*. Beirut: Dār al-Nahdah al-'Arabiyyah, h. 91; Muḥammad Siddiq al-Minsyāwi dan Maḥmūd 'Abd al-Rahmān 'Abd al-Mun'im (1996), *Qāmūs Muṣṭalah al-Ḥadīth al-Nabawī*. Kaherah: Dār al-Faḍīlah, h. 111, 127 dan 137.

<sup>32</sup> Al-Qāsimī (1979), *op.cit.*, h. 75.

<sup>33</sup> Ibrāhim Dusūqī al-Syahāwī (1966), *Kitāb al-Syahāwī fī Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Kaherah: Jām'iāh al-Azhar, h. 3.

<sup>34</sup> Rafa'at Fawzī (1978), *op.cit.*, h. 6; Al-Qāsimī (1979), *op.cit.*, h. 76; Taqī al-Dīn bin Taymiyyah (1985), *'Ilm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 5.

### 1.3.1 *Riwāyah*

*Riwāyah* sudut pengertian bahasa membawa maksud: Cerita, khabar, kisah, kenyataan, warta, hikayat atau pemberitahuan<sup>35</sup>. *Riwāyah* menurut al-Suyūti bermaksud pemindahan hadith dan seumpamanya<sup>36</sup>. Ia merangkumi memperkenalkan rangkaian *sanadnya*, menjaga lafaz-lafaznya dari aspek *sanad* dan *matan*, nama-nama perawinya serta segala yang berkaitan dengan pemindahan dan pengambilan hadith yang *sahīh* dan terjaga.

Seterusnya, *riwāyah* tidak merangkumi perbincangan mengenai biografi *sanad* serta martabat mereka juga tidak membincangkan secara khusus dan terperinci mengenai kategori *matan*. Ia berkaitan dengan<sup>37</sup>:

- i. Ilmu yang menyatakan berkaitan dengan persambungan atau pemindahan sesuatu yang berhubungan dengan Baginda s.'a.w., sama ada berbentuk ucapan, perbuatan, pengakuan dan sifat peribadi.<sup>38</sup>
- ii. Suatu ilmu yang berfungsi untuk memindahkan apa sahaja yang disandarkan kepada Nabi s.'a.w. secara khusus, sama ada dalam bentuk perkataan, perbuatan, pengakuan atau ketetapan dan sifat atau tingkah laku Baginda s.'a.w.<sup>39</sup>

<sup>35</sup> Muhammad Idris Abd al-Rauf al-Marbawi (1998), *Kamus Idris al-Marbawi : Arab-Melayu*, c. 3. Kuala Lumpur: Dar al-Nu'man, h. 258.

<sup>36</sup> Al-Qāsimī (1979), *op.cit*, h. 75.

<sup>37</sup> Bakrī Syeikh Amin (1973), Dr., *Adab al-Hadīth al-Nabawī*. Halab: Dār al-Syrūq, h. 22; Muḥammad al-Sabbagh (1972), *al-Hadīth al-Nabawī*. Riyadh: al-Maktab al-Islāmī, h. 142.

<sup>38</sup> Rafa'at Fawzi (1978), *op.cit*; Hasan al-Mas'ūdi (1960), *Minḥah al-Mughīth fi 'Ilm Muṣṭalah al-Hadīth*, c. 8. Kaherah: Matba'ah Muḥammad 'Alī, h. 4

<sup>39</sup> *Ibid*; Ibn al-Šalāh (1972), *op.cit*; Al-Qāsimī (1979), *op.cit*.

- iii. Ilmu yang membicarakan tentang pemindahan hadith secara bertulis daripada Nabi s.'a.w. sama ada dari sudut perkataan, perbuatan, pengakuan atau sifat dan juga segala apa yang disandarkan kepada Sahabat dan *Tābi‘in*<sup>40</sup>.

Untuk itu *riwāyah* hadith dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu: *Riwāyah* dengan lafaz dan *riwāyah* dengan makna. *Riwāyah* dengan lafaz bermaksud pemindahan sesuatu hadith dengan menitik beratkan lafaz perawinya tanpa melakukan sebarang pemindahan atau gantian terhadap huruf dan perkataan asal Rasulullah s.'a.w.. Adapun *riwāyah* dengan makna ialah seseorang ahli hadith mengemukakan hadith tanpa terikat dengan perkataan-perkataan yang telah didengari. Bahkan dia menukar dengan perkataan lain yang seerti atau menunjukkan maksud yang sama dengan perkataan asal. Sebahagian Sahabat, *Tabi‘in* dan ahli hadith mengharuskan riwayat dengan cara ini. Menurut al-Khaṭīb al-Baghdādī (m. 463 H.), riwayat ini adalah harus dengan syarat perawi mengetahui makna perkataan, topik, mahir dengan bahasa Arab dan ucapannya, mengetahui tentang *fiqh* dan perselisihan hukum serta syarat-syarat lain yang wajar dipenuhi<sup>41</sup>.

Untuk itu, antara tujuan utama ilmu *riwāyah* ialah untuk menjamin ketepatan setiap hadith yang disampaikan, memelihara hadith daripada

<sup>40</sup> Muhammad al-Šabbāgh (1972), *op.cit.*; Nūr al-Dīn ‘Atr (1997), *op.cit.*, h. 31.

<sup>41</sup>Sebagai contohnya Ibn ‘Umar r.’a. telah mendengar ‘Ubayd bin ‘Umayr yang menuliskan hadith dengan katanya, bermaksud: *Rasulullah ada bersabda*: (رَأَى عَبْدُ اللَّهِ كَعْلَ الْمَسْكَنَةِ بَيْنَ النَّفْثَتَيْنِ) lalu Ibn ‘Umar mengatakan, maksudnya: “Celaka kamu, jangan kamu berdusta terhadap Rasulullah s.'a.w.. Sebenarnya Rasulullah bersabda begini: (رَأَى عَبْدُ اللَّهِ كَعْلَ الْمَسْكَنَةِ بَيْنَ النَّفْثَتَيْنِ) Abū Bakr Ahmad bin ‘Alī bin Thābit al-Khaṭīb al-Baghdādī (t.t.), *al-Kifayah fi ‘Ilm al-Riwayah*. T.T.P: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, h. 175 dan 176.

penyelewengan serta kesalahan sudut pemindahan hal yang dihubungkan dengan Rasulullah s. 'a.w., selamat daripada berlaku atau kemungkinan berlaku kesalahan dalam pengambilan hadith Nabi s. 'a.w., dapat menjamin daripada berlaku penyelewengan juga kesilapan sewaktu memindahkan hadith serta dapat membezakan antara hadith *sahīh* dan palsu dan mengetahui sejauh mana kekuatan hadith Nabi s. 'a.w. sudut perawinya<sup>42</sup>.

Justeru, menurut pendapat yang paling *rājiḥ*, riwayat ialah sebarang penukilan yang disandarkan kepada Rasulullah s. 'a.w. dari aspek perbuatan, perkataan, sifat, *taqrīr* juga segala apa yang disandarkan kepada Sahabat dan *Tābi'iñ*.<sup>43</sup>

### 1.3.2 *Dirāyah*

Selain ilmu *riwāyah*, penulis meneruskan perbicaraan mengenai *dirāyah* secara ringkas kerana ia adalah praktikal kepada kajian riwayat Israiliyyat ini. *Dirāyah* dari sudut bahasa bererti sampai kepada ilmunya<sup>44</sup>. Manakala dari sudut istilah pula dapat dikumpulkan sebagaimana berikut:

- i. Ilmu yang memperkenalkan kaedah-kaedah untuk mengetahui keadaan perawi, hal-hal yang mempunyai kaitan dengan *sanad* atau

<sup>42</sup> Al-Qāsimī (1979), *op.cit*; Muṣṭafā al-Sibā'ī (1978), *op.cit.*, h. 113.

<sup>43</sup> Subḥī al-Ṣāliḥ (1988), Dr., *Ulūm al-Hadīth wa Muṣṭalahuh*, c. 17. Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, h. 107.

<sup>44</sup> *Al-Munjid fi al-Lughah wa al-A'lām* (1987), c. 29. Beirut: Dār al-Masyriq, h. 214.

kecacatan hadith<sup>45</sup>. Konteks lain, ilmu hadith *dirāyah* juga dikenali dengan: '*Ulūm al-Hadīth*, *Muṣṭalah al-Hadīth* dan *Uṣūl al-Hadīth*'.<sup>46</sup>

- ii. Ia juga bermaksud ilmu yang mengkaji persoalan berkaitan keadaan perawi dan apa; yang diriwayatkan dari aspek penerimaan dan penolakan<sup>47</sup>.
- iii. Ia juga didefinisikan sebagai ilmu tentang cara menilai kesahihan atau *keḍā'iñ* sesebuah hadith, seterusnya bagaimana hadith itu disampaikan dan sebab-sebab hadith itu didatangkan oleh Rasulullah s. 'a.w. atau *Asbāb Wurūd al-Hadīth* juga mengetahui makna *matan* secara ilmiah<sup>48</sup>.

Justeru, skop perbahasan hadith *dirāyah* ialah berkaitan perkara berikut:

- a. Menjelaskan keadaan *matan*, iaitu susunan lafaz hadith<sup>49</sup>.
- b. Menjelaskan keadaan *sanad*, iaitu keadaan jalan hadith sudut catatannya sehingga Nabi s. 'a.w.<sup>50</sup>.
- c. Keadaan dan cara periyawatan hadith, iaitu menerima hadith daripada seseorang.
- d. Sifat-sifat periyawatan hadith, sama ada ia daripada orang yang boleh dipercayai atau tidak dan lainnya yang berkaitan dengan hadith atau berkaitan dengan sifat periyawatannya.
- e. Kaedah-kaedah untuk membuat pengklasan hadith<sup>51</sup>.

<sup>45</sup> Ibn al-Salāḥ (1972), *op.cit.*; al-Syāhāwī (1966), *op.cit.*, h. 3.

<sup>46</sup> Hasan al-Mas'ūdī (1960), *op.cit.*, h. 3.

<sup>47</sup> Rafa'at Fawzī (1978), *op.cit.*, h. 6.

<sup>48</sup> Muḥammad al-Šabbāgh (1972), *op.cit.*

<sup>49</sup> Maḥmūd 'Abd al-Rahmān 'Abd al-Mun'im (t.t.), *Qāmus Muṣṭalahāt al-Hadīth al-Nabawī*. Kaherah: Dār al-Faqīlāh, h. 103.

<sup>50</sup> Salmān al-Husainī al-Nadwī (1987), *Fī Uṣūl al-Hadīth*. T.T.P.: Dār al-Šāhwah, h. 49; Ibn al-Šalāḥ (1972), *op.cit.*

*Dirāyah* juga mempunyai faedah dan tujuan tertentu, antaranya ialah: Memastikan hadith-hadith yang *sahīḥ* atau sebaliknya, mengetahui sumber atau pengambilannya, memperoleh penilaian terhadap sesebuah hadith sudut *sanad*, sama ada ia sah atau tidak juga menghindarkan serta mengenepikan hadith yang tidak *sahīḥ* dan ditolak.

Kajian ini akan menggunakan pendekatan *riwāyah* juga *dirāyah* yang telah digunakan oleh ulama hadith terhadap fakta dan maklumat mengenai Israiliyat di dalam beberapa manuskrip yang dipilih berdasarkan kajian. Justeru, manuskrip hadith yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah mana-mana karya Melayu bertulis tangan yang menggunakan tulisan Jawi, mengandungi riwayat Rasulullah *s. 'a.w.*, Sahabat, *Tābi'īn* atau *Tābi'* *al-Tābi'īn*, sama ada disandarkan kepada Rasulullah *s. 'a.w.* atau tidak, sebagai sumber fakta karya.

Oleh itu, mana-mana manuskrip yang mengandungi riwayat dikira sebagai manuskrip hadith berdasarkan beberapa ciri, antaranya: Manuskrip itu mengandungi riwayat-riwayat Sahabat, *Tābi'īn* atau *Tābi'* *al-Tābi'īn*, riwayat adalah sebagai fakta penulisan yang berkait dengan riwayat Israiliyat.

Di samping itu, kajian ini juga akan mengambil pendekatan *dirāyah al-hadīth* untuk menganalisis dan mengetahui kedudukan perawi dan riwayatnya yang berkaitan dengan riwayat Israiliyat. Secara tidak langsung kajian ini melibatkan dua ilmu hadith yang utama secara tidak langsung iaitu *riwāyah* dan

---

<sup>51</sup> Al-Syahāwī (1966), *op.cit.*, h. 5.

*dirāyah* untuk mengenal pasti riwayat Israiliyyat di dalam manuskrip hadith di Alam Melayu.

## 1.4 Sejarah Israiliyyat

Rentetan kepada penggunaan perkataan Israiliyyat, ia menunjukkan hubungan yang erat dengan sejarah Bani Israil itu sendiri yang wajar dikemukakan dalam kajian ini. Bani Israil yang dimaksudkan di sini ialah penganut Yahudi dan Nasrani. Mereka merupakan golongan yang mempunyai pengetahuan luas berkenaan kitab Taurat dan Injil sebagaimana yang disebut di dalam Al-Qur'an.

### 1.4.1 Sejarah Bani Israil

Perkataan Israiliyyat adalah sinonim dengan Bani Israil dan golongan Yahudi. Bani Israil mempunyai nama lain yang masyhur iaitu '*Ibrānī* atau '*Ibrī*, Israil, *Yahūd* atau *al-Yahūd*. Nama-nama ini merujuk kepada beberapa fakta sejarah Bani Israil, antaranya:

#### a. Nama Dan Gelaran

Menurut sumber sejarah, Bani Israil mempunyai berbagai-bagai nama dan gelaran, antaranya:

- i. Sejarah Bani Israil bermula dengan Nabi Ya‘qūb (Israil) bersama-sama 12 orang anak lelaki. Kesemuanya menjadi ketua kaum kepada keturunan Nabi Ya‘qūb. Mereka telah berpindah ke Mesir atas jemputan Nabi Yūsuf ‘a.s. pada kurun ke 16 S.M.<sup>52</sup>.
- ii. ‘Ibrānī juga adalah nama yang dinisahkan kepada Nabi Ibrāhīm ‘a.s. Nama Ibrāhīm al-Ibrānī ada disebut dalam Taurat, *sifr al-Takwīn*<sup>53</sup>. Nama ini mengambil sempena Baginda menyeberangi sungai Furāt dan sungai-sungai yang lain menuju ke Kan‘ān, Palestin atas perintah Allah. Lantaran itu, mereka mendakwa dari keturunan Nabi Ibrāhīm dan sebagai pendokong agama Yahudi yang dibawa oleh Nabi Ibrāhīm hinggalah Nabi Mūsā ‘a.s.<sup>54</sup>.
- iii. ‘Ibrī adalah nisbah kepada datuk Nabi Ibrāhīm yang kelima bernama ‘Ābir bin Sām bin Nūl<sup>55</sup>.
- iv. Selain itu perkataan ‘Ibrī juga merujuk kepada asal tanah air bagi Bani Israil. Mereka adalah umat pertama mendiami padang pasir yang dikenali dengan kaum badwi<sup>56</sup>. Justeru, perkataan Ibri adalah merujuk kepada makna orang yang merentasi jalan atau wadi atau sungai dari satu kawasan ke satu kawasan. Penduduk-penduduk Kan‘ān, Mesir

<sup>52</sup> Kisah ini boleh di dapat di dalam Al-Qur'an surah Yūsuf. Muhammed ‘Izzah Darūzah (1969), *op. cit.*, h. 26; Maḥmūd bin al-Syarīf (1991), *op.cit.*, h. 13 dan 14.

<sup>53</sup> *Op.cit.*, *sifr al-Takwīn*.

<sup>54</sup> Māni‘ bin Hammād al-Juhānī (1989), Dr., (ed.), *al-Mawsū‘ah al-Muyassarah fī al-Adyān wa al-Madhāhib al-Mu‘āṣarāh*, c. 2. Riyad : al-Nadwah al-‘Ālamiyah li al-Syabāb al-Islāmī, h. 565.

<sup>55</sup> Syawqī Ibrāhīm (1991), *op.cit.*, h. 10.

<sup>56</sup> Maḥmūd bin al-Syarīf (1991), *op.cit.*, h. 5 dan 6.

dan Palestin memanggil mereka dengan ‘Ibrī kerana mereka mendiami padang pasir seperti badwi. Namun, apabila mereka mula menduduki bandar-bandar, gelaran itu semakin hilang dan akhirnya mereka hanya dikenali dengan Bani Israil.

Merujuk kepada kenyataan-kenyataan sejarah di atas, kajian ini mendapati kenyataan pertama adalah mendekati kebenaran dan diterima akal serta menepati cerita yang terdapat dalam surah Yūsuf, ketika mana Nabi Allah Ya‘qūb berpindah ke Mesir kerana dijemput oleh Nabi Yūsuf ‘a.s.<sup>57</sup>.

Manakala dakwaan bahawa mereka membawa agama Yahudi iaitu agama Nabi Ibrāhīm dan berada di atas syariat dan jalan agama Nabi Ibrāhīm<sup>58</sup> adalah tidak benar<sup>59</sup>. Dakwaan mereka telah disangkal oleh Allah melalui firman-Nya:

مَا كَانَ إِبْرَاهِيمُ يَهُودِيًّا وَلَا نَصَارَائِيًّا وَلَكِنْ كَانَ حَبِيبًا مُسْلِمًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٦٧﴾

Surah ’Al ‘Imrān (3) : 67.

Terjemahan : *Bukanlah Nabi Ibrāhīm itu seorang pemeluk agama Yahudi, dan bukanlah pula ia seorang pemeluk agama Kristian, tetapi ia adalah seorang yang tetap di atas dasar tauhid sebagai seorang Muslim (yang berserah bulat-bulat kepada Allah), dan bukanlah ia dari golongan orang-orang Musyrik."*

<sup>57</sup> Tanṭāwī (1997), *op.cit.*, h. 10 dan 11; Syawqī Ibrāhīm (1991), *op.cit.*, h. 12 dan 13.

<sup>58</sup> Walaupun pada nasab Nabi Ya‘qūb itu datuknya Nabi Ibrāhīm. Ini adalah kerana Nabi Ibrāhīm mempunyai seorang lagi anak selain Nabi Ishāq iaitu Nabi Ismā‘il yang daripada keturunan Nabi Ismā‘il ini adalah bangsa Arab dan keturunan Ishāq dan Ya‘qūb ini ialah bangsa Yahudi atau Bani Israil. Maḥmūd bin al-Syarīf (1991), *op.cit.*, h. 9.

<sup>59</sup> Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (1997), *Tafsīr al-Ṭabarī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 3 : 304 dan 305.

Justeru, Israil ialah ialah bapa mereka Nabi Allah Ya'qūb bin Ibrāhīm 'a.s.<sup>60</sup>. Daripada anak-anak dan keturunan Nabi Ya'qūb ini lahir Bani Israil<sup>61</sup>. Namun, menurut Dr. Jawwād 'Alī, perkataan Yahudi adalah lebih umum daripada perkataan 'Ibrānī dan Bani Israil. Ini adalah kerana perkataan Yahudi digunakan untuk kaum 'Ibrānī atau Isrā'īl serta lainnya yang masuk ke dalam agama Yahudi. Lantaran itu, bagi mereka yang tidak menerima agama ini mereka adalah orang asing bagi bangsa Yahudi<sup>62</sup>.

## b. Sejarah Penghijrahan Bani Israil

Bani Israil mempunyai sejarah penghijrahan adalah panjang dan tiada penghujungnya. Penulis tidak bercadang membahaskannya dari mula tetapi hanya memfokuskan sejarah penghijrahan mereka ke Mesir sekitar kurun ke 19 S.M. sehingga musnahnya Jeruselam kali kedua di tangan Titus pada tahun 70 M<sup>63</sup>.

Menurut keterangan dalam Al-Qur'an serta sejarawan<sup>64</sup>, ketika di Mesir Nabi Ya'qūb 'a.s. serta keluarga Baginda dihormati dan dimuliakan namun

<sup>60</sup> Nabi Ya'qūb mempunyai 12 orang anak lelaki iaitu Robin, Simon, Louis, Yahūdhā, Yasākir, Zabūlūn, Jade, Ester, Dan, Natalie, Yūsuf 'a.s. dan Benjamin. Al-Tabārī (1997), *op.cit.*, I : 619 dan 620.

<sup>61</sup> Kisah Nabi Ya'qūb ini telah diceritakan dalam Al-Qur'an sebagaimana firman Allah surah al-Baqarah (2) : 133, 134 dan 135.

<sup>62</sup> Perkataan Yahudi adalah merujuk kepada Bani Israil dan sebab mereka dinamakan Yahudi, antaranya : i. kerana mereka telah bertaubat dari menyembah lembu dengan berkata : "Kami telah bertaubat dan kembali kepada-Mu." ii. kerana mereka bergerak-gerak ketika kitab Taurat dibacakan. iii. kerana dinisbah kepada Yahūdhā anak keempat Nabi Ya'qūb 'a.s. Tanṭāwī (1997), *op.cit.*, h. 12 dan 13; Abū al-Faṭḥ Muḥammad bin 'Abd al-Karīm bin Abū Bakr Aḥmad al-Syahristānī (1967), *al-Milāl wa al-Nihāl*. Mesir : Syarikah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūh, 1 : 210.

<sup>63</sup> Sesetengah pendapat mengatakan sekitar kurun ke 16 S.M. Kajian ini tidak menjurus kepada sejarahnya dari awal, sekadar mengetahui secara umum latar belakang perkataan Israil.

<sup>64</sup> Kisah ini ada diceritakan dalam Al-Qur'an sebagaimana firman Allah, surah Yūsuf dan surah al-Qaṣāṣ ayat 4. Muḥammad 'Izzah Darūzah (1969), *op.cit.*, h. 40; 'Abd al-Rahmān bin Khaldūn al-Maghribī bin Khaldūn (1999), *Tārīkh Ibn Khaldūn*. Beirut : Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi. 2: 40

kedudukan mereka tergugat selepas kewafatan Nabi Yūsuf 'a.s.. Sejak itu Bani Israil mulai ditindas dan dizalimi sehingga Allah mengutus Nabi Mūsā untuk membawa Bani Israil keluar dari bumi Mesir dan menyelamatkan mereka dari kekejaman Firaun. Nabi Mūsā membawa mereka ke Palestin untuk menguasai semula bumi tersebut dan mengalahkan raja yang kafir di sana atas perintah Allah. Peristiwa itu berlaku pada kurun ke 13 S.M. iaitu sekitar tahun 1213 S.M. Dalam perjalanan ke Palestin, Nabi Mūsā mendapat perintah Allah agar meninggalkan kaumnya sementara waktu dan menaiki bukit Tūr Sīnā untuk menerima kitab Taurat daripada Allah<sup>65</sup>.

Dengan ini, Bani Israil mempunyai kitab suci mereka di samping panduan daripada Nabi Mūsā. Nabi Mūsā membimbang Bani Israil sehingga kewafatannya dan kemudiannya dipimpin oleh Nabi Hārūn 'a.s.. Selepas kewafatan Nabi Hārūn 'a.s. pula, Bani Israil dipimpin oleh Yūsya' bin Nūn menuju ke Palestin<sup>66</sup>. Selepas kematian Yūsya' pemerintahan al-Quds diwarisi oleh 15 orang yang berakhir dengan Samuel<sup>67</sup>.

Kuasa pemerintahan pertama bagi bangsa Yahudi telah diserahkan kepada Talūt atas perintah Allah yang bukan dari keturunan anak-anak Nabi Ya'qūb.

---

dan 41; 'Izz al-Dīn Abū al-Ḥasan 'Alī bin Abū al-Karam Muḥammad bin Muḥammad bin 'Abd al-Karīm bin 'Abd al-Wahid al-Sayybānī bin al-Āthīr (1979), *al-Kāmil fi al-Tārīkh*. Beirut : Dār Ṣādir, 1: 126 dan 127; Rifa'i Zāhir (1980), Dr., *Qissah al-Adyān : Dirāsah Tārikhiyyah Muqāranah*. Kaherah : Dār al-Majbū'āt al-Dawliyyah, h. 30.

<sup>65</sup> Kisah ini ada diceritakan dalam Al-Qur'an surah Tāhā ayat 77-78 dan 87-96. Syalabi (1978), *op.cit.*, h. 72; Al-Syahrastānī (1967), *op.cit.*, 1 : 211; Al-Tabārī (1997), *op.cit.*, 8 : 438 – 451.

<sup>66</sup> Ibn al-Āthīr (1979), *op.cit.*, 1 : 197 dan 200; Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, 1 : 287; Syalabi (1978), *op.cit.*, h. 73 dan 74; Syawqī Ibrāhīm (1991), *op.cit.*, h. 25; Abū al-Fidā' Ismā'il bin Kathīr (1998), *Tafsīr Al-Qur'ān al-'Azīm*, c. 2. Damsyik: Maktabah Dār al-Fihā', 1 : 141; Al-Tabārī (1997), *op.cit.*, 1 : 338 dan 339.

<sup>67</sup> Syawqī Ibrāhīm (1991), *op.cit.*, h. 31.

Selepas itu diganti pula oleh Nabi Allah Dāwūd ‘a.s. yang memerintah Bani Israil iaitu 7 tahun terawal pemerintahannya di Hebron dan selebihnya di Jeruselam pada tahun 1000 S.M., tempoh pemerintahannya ialah selama 40 tahun. Selepas kewafatan Nabi Dāwūd pada tahun 970 S.M.<sup>68</sup>, diganti pula dengan anaknya Nabi Sulaymān ‘a.s. selama 40 tahun juga. Baginda orang pertama yang membina Baitul Maqdis<sup>69</sup>. Kisah pemerintahan mereka ada disebut di dalam Al-Qur'an surah al-Anbiyā' ayat 78 – 82.

Nabi Allah Sulaymān wafat pada tahun sekitar 975 S.M. Selepas kewafatan Nabi Sulaymān, pemerintahan Bani Israil berpecah kepada dua kerajaan iaitu kerajaan Yahudi di selatan dan kerajaan Israil di utara<sup>70</sup>.

Di Palestin, Bani Israil diperintah oleh beberapa kuasa seperti Babylon, Parsi, Yunan, Sulūk, Mukābī juga Rom<sup>71</sup>. Semasa pemerintahan Parsi, mereka dilayan dengan baik. Keadaan ini tidak berkekalan kerana pada tahun 330 S.M. berlaku perperangan besar antara Parsi dan Dhū al-Qarnayn<sup>72</sup> dan kemenangan

<sup>68</sup> Bani Israil menentang pelantikan Allah dan enggan mematuhiinya. Namun kerana kegagahan dan keberanian yang dikurniakan Allah kepada Tālūt, beliau dapat menentang musuh Bani Israil dan juga menang dalam beberapa perperangan terutamanya dengan Jālūt yang menjadi ketua perang bagi rakyat Palestin yang menuntut bela atas pencerobohan Bani Israil ke atas negara mereka. Tālūt sempat memerintah Bani Israil selama 2 tahun. Semasa pemerintahan Nabi Dāwūd, kerajaan Bani Israil berada dalam kemajuan yang pesat, bertamadun, baik dari segi keimanan kepada Allah, kemasyarakatan, ekonomi, politik dan ketenteraan. *Ibid.*, h. 32.

<sup>69</sup> Menurut Ibn Kathir, riwayat ini dibawa oleh Ibn Jarīr dan Ibn Abū Ḥātim daripada jumhur *Salaf*, namun kebanyakannya riwayat ini adalah diambil dari sumber *Israiliyyat*. Ibn Kathir (1992), *op.cit.*, 2 : 26; 'Abd al-Rahmān Ibn Khaldūn al-Maghribī (1961), *Tārīkh Ibn Khaldūn*, c. 2. Beirut : Maktabah al-Madrasah wa Dār al-Kitāb al-Lubnānī, 1 : 634.

<sup>70</sup> Tantāwī (1997), *op.cit.*, h. 54.

<sup>71</sup> Syalabi (1978), *op.cit.*, h. 63.

<sup>72</sup> Beliau ialah Dhū al-Qarnayn yang diceritakan oleh Allah dalam Al-Qur'an, surah al-Kahf ayat 84 – 98. Menurut Ibn 'Asākir, tempoh masa antara beliau dengan Nabi Dāwūd ialah selama 740 tahun. Timbul kesamaran tentang Iskandar pertama dan kedua. Beliau ialah Iskandar pertama yang diceritakan dalam Al-Qur'an yang menguasai Timur dan Barat serta seorang yang salih dan beriman, manakala Iskandar ke II ialah sebaliknya, bukan beragama Islam. Menurut Ibn 'Asākir lagi, jarak masa antara keduanya sangat jauh. Ibn Kathir (1992), *op.cit.*, 2 : 106 dan 110.

berpihak kepada Dhū al-Qarnayn. Orang-orang Parsi dihalau dari Palestin dan juga Syām. Jeruselam jatuh ke tangan Rom pada tahun 70 M. Bani Israil atau Yahudi telah melarikan diri ke merata tempat berhampiran seperti Mesir, Libya dan Semenanjung Tanah Arab.

Bermula saat ini, Bani Israil telah berhijrah secara besar-besaran dan mula mendiami sekitar Madinah dan pinggirannya. Antara kaum Yahudi yang mendiami sekitar Madinah dan pinggirannya ialah Bani Qaynuqā<sup>73</sup>, Naḍīr dan Qurayzah. Manakala yang menetap di Madinah ialah Khaybar, Tamīm dan Wādī al-Qurā<sup>73</sup>.

Dengan penghijrahan ini, Semenanjung Tanah Arab yang pada masa itu hanya didiami oleh bangsa Arab Jahiliah mula bercampur dan berkomunikasi dengan bangsa Yahudi melalui perdagangan, budaya hidup dan pemikiran yang merangkumi bahasa, budaya, pegangan agama dan sebagainya. Bangsa Arab pada masa itu kebanyakannya buta huruf dan jahil, terutamanya golongan badwi. Mereka adalah golongan yang paling hampir dan mendahului pergaulan dengan bangsa Yahudi yang kebanyakannya mendiami kawasan padang pasir secara nomad.

---

<sup>73</sup> Namun tidak dinafikan telah ada golongan minoriti Yahudi yang telah lama menginap di Semenanjung Tanah Arab seperti di perkampungan badwi dan di padang-padang pasir yang tandus juga subur, lantaran mereka sering berhijrah kerana perperangan yang banyak serta penguasaan ke atas Palestin, tempat asal mereka. Namun penghijrahan sebenar secara besar-besaran ialah selepas penaklukan Rom tahun 70 M. Kajian ini menggunakan perkataan Bani Israil dan Yahudi membawa maksud yang sama. Tantawi (1997), *op.cit.*, h. 63.

Lantaran itu, corak hidup, budaya serta maklumat banyak diambil dari bangsa Yahudi. Ini antara faktor merebak cerita Israiliyyat dalam masyarakat Arab Jahiliah. Tambahan pula bangsa Yahudi menganut agama samawi yang hampir sama dengan ajaran Islam, membawa bersama mereka kitab Taurat dan juga *Asfär* ke Semenanjung Tanah Arab.

Kesimpulannya, walaupun tidak semua cerita Israiliyyat berasal dari Bani Israil, namun, kebanyakannya adalah bersumberkan kitab Taurat dan Injil. Mereka adalah orang yang bertanggungjawab – walaupun tidak kesemuanya – membantu ke arah tersebar cerita Israiliyyat dari satu generasi ke satu generasi. Masyarakat Arab pada permulaan Islam lebih menumpukan kepada perkara asas agama juga berdakwah tanpa memberikan tumpuan khusus kajian riwayat.

Ini adalah kerana segala kemosyikilan terus merujuk kepada Rasulullah. Tambahan pula bangsa Yahudi membawa cerita-cerita yang berkaitan dengan awal kejadian manusia, alam ghaib, kisah-kisah umat terdahulu, kejadian langit dan bumi yang telah diceritakan dalam kitab Taurat yang diturunkan kepada Nabi Mūsā ‘a.s.. Sudah menjadi fitrah manusia ingin mengetahui perkara-perkara yang mereka tidak mengetahuinya seperti kejadian langit dan bumi serta manusia dan cerita-cerita nenek moyang mereka dahulu kala secara lebih mendalam.

Lantaran itu, cerita-cerita begini mendapat tempat di kalangan masyarakat Semenanjung Tanah Arab. Bani Israil yang menduduki Semenanjung Tanah Arab terdiri dari mereka yang beragama Yahudi dan Nasrani. Mereka ini dipanggil ahli Kitab setelah kebangkitan Islam di Semenanjung Tanah Arab. Golongan ahli

Kitab terbahagi kepada dua, iaitu, yang memeluk agama Islam dan yang masih kekal dengan agama asal mereka yang dipanggil Yahudi dan Nasrani.

#### c. Puak Bani Israil

Puak Bani Israil ialah merujuk kepada golongan Yahudi dan Nasrani. Namun kebiasaannya lebih banyak merujuk kepada golongan Yahudi sebagaimana yang dinyatakan di dalam Al-Qur'an lantaran sejarah, latar belakang pegangan serta pengaruh mereka.

##### i. Golongan Yahudi

Golongan Yahudi ialah mereka yang berpegang dengan ajaran kitab Taurat yang diturunkan kepada Nabi Mūsā 'a.s. serta Zabur kepada Nabi Dāwūd 'a.s.. Taurat diturunkan oleh Allah dalam bahasa Hebrew kepada Nabi Mūsā 'a.s. di 'Tūr Sīnā' yang merangkumi akidah dan syariat, iaitu sekitar tahun 1571 S.M.. Taurat bermaksud syariat. Islam menyifatkannya sebagai kitab yang diwahyukan Allah ke atas Nabi Mūsā 'a.s., manakala Yahudi mengatakan ia adalah kumpulan *Asfār* yang diturunkan kepada Nabi Mūsā 'a.s.. Manakala Taurat yang dimaksudkan oleh Al-Qur'an merupakan kitab yang diturunkan kepada Nabi Mūsā 'a.s. sebelum diubah dan diselewengkan oleh bangsa Yahudi. Penyelewengan ini bermula sekitar tahun 586 S.M.. Begitu juga kitab Zabur diturunkan kepada Nabi Dāwūd 'a.s. Namun selepas perubahan dan

penyelewengan yang dilakukan oleh paderi Yahudi agama itu mempunyai dua sumber iaitu Perjanjian Lama (*al-'Ahd al-Qadim*) dan Talmūd<sup>74</sup>.

Kitab Taurat yang berada di tangan penganut Yahudi dapat dibahagikan kepada 4 bahagian utama iaitu: Kejadian (*al-Khalīqah wa al-Nāmūs*), sejarah (*Tārīkh al-'Ahd al-Qadim*), nyanyian berserta kata-kata hikmat (*Anāsyīd, Amthāl wa Ḥikmah*) dan kisah para nabi (*al-Anbiyā'*). Di dalam bahagian kejadian pula dipecahkan kepada beberapa 5 *Asfār* iaitu: *Genesis* (*sifr al-Takwīn*), *Exodus* (*sifr al-Khurūj*), *Deuteronomy* (*sifr al-Tathniah*), *Leviticus* (*sifr al-Lāwiyyīn*) dan *Numbers* (*sifr al-'Adad*)<sup>75</sup>. Antara kandungannya menceritakan secara terperinci cara Allah menciptakan langit dan bumi serta makhluk lain, syurga, neraka, cerita tentang dosa Nabi 'Ādam dan Hawa di dalam syurga sehingga diturunkan ke bumi, keturunan Nabi 'Ādam, peristiwa taufan Nabi Nūh, pengembalaan Nabi Ya'qūb, Hajar dan Nabi Ismā'īl, Nabi Ibrāhīm dan lainnya<sup>76</sup>.

Manakala bahagian sejarah pula dibahagikan kepada 12 *Asfār*, iaitu: Joshua (*Yāsū'*), Ruth (*Rāghūth*), Hakim-Hakim (*Qudāh*), Samuel I, Samuel II, Raja-Raja I (*al-Mulūk al-Awwal*), Raja-Raja II (*al-Mulūk al-Thāni*), Sejarah I (*Akhbār al-Ayyām al-Awwal*) dan Sejarah II (*Akhbār al-Ayyām al-Thāni*), Ezra ('Azrā'), Nehemiah (*Nahmīyyā'*) dan Esther (*Astīr*)<sup>77</sup>.

<sup>74</sup> Al-Tabarī (1997), *op.cit.*, 3 : 167; Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 12 dan 13.

<sup>75</sup> Mukadimah *al-Kitab al-Muqaddas*.

<sup>76</sup> *Ibid.*, *sifr al-Takwīn*.

<sup>77</sup> *Ibid.*

Bahagian nyanyian dan kata-kata hikmat pula mengandungi 5 *Asfār* dan bahagian para nabi pula mengandungi 17 *Asfār*. Oleh itu semua *Asfār* berjumlah 39 semuanya. Taurat ini dikenali dengan Taurat Baru atau Taurat Yūnān atau Sab'īniyyah<sup>78</sup>.

Secara umum, antara kandungan kitab Taurat dengan Al-Qur'an yang hampir menyamai perbincangannya ialah mengenai permulaan kejadian iaitu menceritakan Allah menjadikan manusia yang pertama iaitu 'Ādam serta alam ini, kehidupan alam bintang, kisah para nabi, umat-umat terdahulu, syurga, neraka dan sebagainya<sup>79</sup>.

Selain Taurat dan Zabur mereka juga ada Talmūd iaitu Taurat lisan yang merupakan pelengkap kitab Taurat. Talmūd ini disampaikan secara lisan dari satu masa ke semasa dan dari satu generasi ke satu generasi. Ia mengandungi wasiat-wasiat, nasihat-nasihat, syariat agama, kesusasteraan, ketamadunan, syarahan-syarahan, tafsiran-tafsiran, ajaran-ajaran, riwayat-riwayat dan cerita-cerita.

Sebagaimana Taurat, *Asfār*, Talmūd dan tafsirannya, adalah dongeng-dongeng, cerita-cerita khurafat dan dusta yang bercampur aduk dengan pengetahuan dan maklumat mereka. Perubahan dilakukan menurut cita rasa penulisnya atau lebih tepat lagi paderi yang menguasai kitab-kitab tersebut dan

<sup>78</sup> Dinamakan dengan Sab'īniyyah ialah kerana ia dipelopori oleh 72 pendeta Yahudi yang melakukan penterjemahan dari bahasa Hebrew ke bahasa lain. Kandungan terjemahan ayatnya berbeza antara pendeta. Ini menunjukkan setiap kali Taurat diterjemahkan oleh seseorang pendeta, kandungannya juga turut berubah mengikut cita rasa pengarangnya. Ahmad Ḥijāzī al-Saqā (1978), *op.cit.*, h. 11 dan 12.

<sup>79</sup> Muhammad Syafiq Ghurbāl (1933), (ed.), *al-Mawsū'ah al-'Arabiyyah al-Muyassarah*. Kaherah: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, 2 : 1245; Yūsuf 'Id (1995), Dr., *al-Diyānah al-Yahūdiyyah*. Beirut: Dār al-Fikr al-Lubnāni, h. 29, 33, 34 dan 35.

diberi dengan pelbagai nama. Kandungan yang telah hilang keasliannya bukan sekadar beredar di kalangan mereka, bahkan menular di kalangan umat Islam hari ini melalui sumber-sumber penulisan Islam dalam bentuk riwayat, hikayat atau penceritaan dalam pelbagai bidang<sup>80</sup>.

Walaupun Palestin adalah negara asal agama ini lahir<sup>81</sup>, namun, pengaruh Yahudi banyak tersebar di kalangan raja-raja Ḥimyar, Bani Kinānah, Bani al-Ḥārith bin Ka‘ab, Kindah dan Ghassān. Sebahagian kaum Aws, Khazraj, Ghassān dan Juzām juga telah menganut agama Yahudi dan tinggal bersama atau berdekatan dengan penempatan Yahudi sehingga kedatangan Islam.

Setelah Islam bertapak di Madinah, sebahagian Ahli Kitab telah memeluk Islam secara jujur dan ikhlas seperti ‘Abd Allāh bin Salām (m. 43 H) dari golongan Yahudi, Mukhayriq (m. 3 H)<sup>82</sup> dan Najasyī yang beragama Nasrani. Namun tidak kurang juga yang hanya berpura-pura menerima Islam<sup>83</sup> seperti Sa‘d bin Ḥunīf, Zayd bin al-Šulayt, ‘Uthmān bin Awfā dan Nu‘mān bin Awfā bin ‘Amrin. Malah ada yang kekal dengan agama mereka. Semua ini memainkan peranan yang besar ke arah merebak cerita-cerita berunsur Israiliyyat ke dalam sumber-sumber Islam.

<sup>80</sup> Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 13; Syalabi (1978), *op.cit.*, h. 273; Rifqī Zāhir (1980), *op.cit.*, h. 49.

<sup>81</sup> Samīl Daghīm (1995), Dr., *Adyān wa Mu’taqadāt al-‘Arab Qabl al-Islām*. Beirut : Dār al-Fikr al-Lubnāni, h. 56.

<sup>82</sup> Beliau seorang Yahudi Bani Qaynuqa' yang menganut agama Nasrani kemudian memeluk Islam dan ikut serta dalam peperangan Uhud bersama-sama Rasulullah s. 'a.w. serta menyeroni kaumnya agar menerima kerasulan Nabi Muhammad s. 'a.w. serta beriman dengannya. Beliau terkorban dalam peperangan tersebut dan mewakafkan kesemua tujuh buah kebun tamarnya kepada Islam. Mahmūd bin al-Syarīf (1991), *op.cit.*, h. 115 dan 116.

<sup>83</sup> Ibn Hisyām (1994), *op.cit.*, 2 : 141; Muhammād ‘Izzat al-Tahtāwī ( 1993), *al-Mizān fi Muqārah al-Adyān Haqā’iq wa Wathā’iq*. Damsyik : Dār al-Qalam, h. 49.

Walaupun begitu, bukan semua Ahli Kitab membawa cerita Israiliyyat. Bahkan ada maklumat yang mereka bawa tidak bertentangan dengan sumber asal dan boleh diterima. Firman Allah ada menunjukkan kalangan Ahli Kitab ada juga tidak memusuhi Islam dan ikhlas serta jujur terhadap kandungan kitab-kitab yang diwahyukan kepada mereka serta menerima kerasulan Nabi Muhammad s. 'a.w. dan kebenaran Islam<sup>84</sup>.

Allah berfirman, terjemahannya:

*Ahli-ahli Kitab itu tidak sama. Di antaranya ada golongan yang (telah memeluk Islam dan) tetap (berpegang kepada agama Allah yang benar), mereka membaca ayat-ayat Allah (Al-Qur'an) pada waktu malam, semasa mereka sujud (mengerjakan sembahyang). Mereka beriman kepada Allah dan hari Akhirat, dan menyuruh membuat segala perkara yang baik, dan melarang dari segala perkara yang salah (buruk dan keji), dan mereka pula segera pada mengerjakan berbagai-bagai kebijakan. Mereka (yang demikian sifatnya) adalah dari golongan orang-orang yang salih.*

(Terjemahan Surah 'Āl 'Imrān (3) : 113 dan 114)

## ii. Golongan Nasrani

Golongan Nasrani pula ialah mereka yang berpegang dengan kitab Injil yang diturunkan kepada Nabi 'Isā 'a.s. Agama ini adalah pelengkap kepada kitab Taurat Nabi Mūsā 'a.s. Al-Qur'an menggelar mereka dengan gelaran Ahli

<sup>84</sup> Al-Tabarī (1997), *op.cit.*, 3 : 397.

Kitab<sup>85</sup>. Kitab Injil asal telah diubah yang sekarang dikenali dengan Bible atau Perjanjian Baru<sup>86</sup>.

Injil ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu: Sejarah para rasul (*acts*) yang mengandungi 5 *asfār*, surat-surat yang mengandungi 21 *asfār* dan wahyu John (*Yūhānā*) mengandungi satu *sifr*. Jumlah semuanya 27 *asfār*. Di dalam bahagian pertama terdiri dari *asfār*: Matthew, Mark, Luke, John dan kisah para rasul. Manakala *asfār* di bahagian kedua pula ialah antaranya kandungan surat-surat Pauls kepada Persatuan Romans, Corinthians I, Corinthians II, Galatians, Ephesians, Philippians, Colossians, Thessalonians I dan II, Timothy I dan II, Titus, Philemon, Hebrews (*'Ibrāniyyīn*), Surat James (*Ya'qūb*), Peter 1,II dan III (Bitris 1,II dan III), John I, II dan III dan Judes (*Yahūdhā*). Manakala bahagian ketiga hanya satu iaitu wahyu John (*revelation*)<sup>87</sup>.

Perkataan *Nāṣārā* adalah nisbah kepada pengikut Yasū‘ bin Maryam<sup>88</sup> yang dilahirkan di bandar Nāṣirah dan digelar *Nāṣiriy*. Agama Nasrani bermula dengan kelahiran Nabi Isā ‘a.s. yang menggantikan kitab Taurat yang telah diubah

<sup>85</sup>Samīḥ Daghīm (1995), *op.cit.*, h. 65.

<sup>86</sup>Bible berasal dari bahasa Yunani yang bermaksud Kitab. Ia juga adalah gabungan dari dua kandungan iaitu Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru. Penganutnya dikenali sebagai penganut agama Kristian. Mereka asalnya adalah penganut agama Yahudi tetapi setelah diutus Nabi Isā, mereka berpegang dengan ajaran Nabi Isā yang mereka namakan al-Masiḥ dan meninggalkan agama Yahudi. Puak-puak Hawāriyyūn telah mengubah kitab Injil dengan menamakannya Injil-Injil iaitu Kitab Suci mereka yang dikenali dengan Perjanjian Baru. Maksud perkataan Injil atau Gospel yang asalnya dalam bahasa Yunan yang dipinjamkan ke bahasa Arab membawa maksud berita gembira. Khalil al-Rahmān al-Hind (1986), *Izhār al-Ḥaq*. Kaherah: Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyah, 1 : 55; Muhammad Abū Zahrah (1977), *Muḥādārāt fi al-Naṣrāniyyah*, c. 5. T.T.P., Dār al-Fikr al-‘Arabi, h. 47; ‘Abd al-Wahhāb ‘Abd al-Salām Tāwilah (1990), *al-Kutub al-Samāwiyyah wa Syurūt Ṣihhatihā*. Beirut : Mu’assasah ‘Ulūm Al-Qur’ān, h. 307; Syalabī (1978), *al-Masihiyyah*, c. 6. Kaherah : Maktabah al-Nahdah al-Miṣriyyah, h. 201; ‘Alī Rabi’ (1994), *op.cit.*, h. 26.

<sup>87</sup>*Al-Kitab al-Muqaddas*.

<sup>88</sup>Al-Qur’ān menamakan pengikut Yasū‘ ini dengan *Nāṣārā* iaitu Nasrani dan ada disebut dalam surah-surah al-Baqarah, al-Mā’idah, al-Tawbah dan al-Hajj. Samīḥ Daghīm (1995), *op. cit.*, h. 65.

oleh penganut Yahudi. Nabi ‘Isā mengambil masa 3 tahun 3 bulan dan 3 hari menyebarkan agama Nasrani<sup>89</sup> bersama kitab Injil dan mempunyai murid dan para pengikut. Bahasa yang Baginda guna yang juga bahasa Injil yang asal dan generasi pertama pengikut Nabi ‘Isā ialah bahasa Arāmiah<sup>90</sup>.

Pada peringkat permulaan, agama Nasrani tersebar di kalangan bangsa Yahudi kemudian beralih ke seluruh bangsa termasuk bangsa Arab. Paul adalah antara orang Yahudi yang terawal menerima ajaran Nasrani dan mempertahankannya. Beliaulah juga yang bertanggungjawab menyebarkan agama Nasrani ke negara-negara Arab juga negara-negara sebelah barat iaitu ketika perpindahannya dari Damsyk ke Jeruselam<sup>91</sup>.

Agama Nasrani memasuki negara-negara Arab melalui 3 jalan utama iaitu Syria di Utara, Iraq di Timur Laut dan Habsyah di sebelah Barat. Pada kurun ke 5 dan 6 M., Syria telah menjadi pusat agama Nasrani di sebelah Timur negara-negara Arab. Agama ini memasuki Habsyah sekitar tahun 320 M. dengan mempengaruhi rajanya bernama al-Najasyī agar meninggalkan agama berhala kepada Nasrani.

Di Yaman, penganut-pengaut Nasrani telah mendirikan banyak gereja dengan mengambil alih istana-istana dan kota-kota lama raja di bandar-bandar

<sup>89</sup> Al-Syahrastānī (1967), *op.cit.*, 1 :220.

<sup>90</sup> Baginda diutus Allah sebagai pelengkap ajaran Nabi Mūsā. Baginda membawa syariat kitab Taurat dan Injil yang mengandungi nasihat dan peringatan, mesej yang sama dengan mesej Nabi Mūsā. Al-Syahrastānī (1967), *op.cit.*, 1 : 209.

<sup>91</sup> Beliaulah yang mengarang kitab lain selain Injil sebanyak 14 buah risalah yang asalnya dalam bahasa Greek di samping menterjemahkan kitab Injil dari bahasa Aramiah ke bahasa Greek yang dianggap sebagai kitab asal oleh penganut Nasrani. Samīḥ Daghīm (1995), *op.cit.*, h. 66; ‘Alī Rabi’ (1994), *op.cit.*, h. 167.

yang mereka masuki. Adapun di Mekah, orang-orang Arab menganut agama Nasrani melalui rahib dan pendeta Nasrani yang tinggal di situ. Antara mereka yang menganut agama Nasrani di kalangan bangsa Arab ialah Waraqah bin Nawfal, ‘Utbah bin Abū Wahab dan ‘Uthmān bin al-Hūwayrith al-Asadī. Pengaruh Nasrani juga telah mula meresap ke dalam masyarakat Madinah<sup>92</sup>.

Agama Nasrani masuk ke negara-negara Arab terutama di pusat-pusat bandar melalui para pendakwah, penganut, penyebar dan pedagang Nasrani. Antara tempat yang diduduki penganut Nasrani di Hijaz ialah di Dawmah al-Jandal. Antara lain lagi ialah di Wādī al-Qurā, Yathrib, Tā’if, Yamāmah, Qaṭar juga Bahrain. Antara kabilah yang menerima ajaran Nasrani ialah kabilah Ṭay’ seperti ‘Adī bin Hātim al-Ṭā’ī (m. 68 H.), yang kemudiannya memeluk Islam<sup>93</sup>.

Orang-Orang Nasrani bukan sahaja menyebar agama tetapi juga budaya, ilmu pengetahuan, adat resam serta juga mempengaruhi syair-syair Arab<sup>94</sup>. Selain syair, ada dipanggil prosa dan tukang cerita yang dipanggil penglipurlara. Mereka juga membicarakan tentang hikayat, dongeng serta cerita-cerita berkaitan para nabi dan nenek moyang terdahulu, kejadian awal manusia dan alam serta

<sup>92</sup>Penyebaran ini bermula pada 3 kurun yang pertama namun tidak mempunyai pengikut yang ramai. Peringkat awalnya kerajaan Rom tidak menerima agama Nasrani, namun tidak lama selepas itu Rom mula menerimanya. Agama ini mendapat mandat dan terus tersebar ke seluruh pelusuk alam. Samīḥ Daghīm (1995), *op.cit.*, h. 67 dan 73.

<sup>93</sup>Contohnya, semasa di Mekah Baginda telah didatangi oleh sekumpulan 20 orang wakil penganut Nasrani dari Najrān. Mereka mendapat tahu khabar kerasulan ini di Habsyah, kemudian mencari Rasulullah s. 'a.w. di Mekah. Apabila berjumpa Rasulullah s. 'a.w. di masjid, Rasulullah s. 'a.w. membacakan ayat Al-Qur'an kepada mereka, ada yang menangis dan pilu. Mereka segera menyatakan keimanan dan keyakinan mereka dengan Al-Qur'an dan kerasulan Nabi Muhammad. Ibn Hisyām (1994), *op.cit.*, 2 : 5; Samīḥ Daghīm (1995), *ibid.*, h. 74.

<sup>94</sup>Hari Raya mereka diraikan dengan berbagai upacara keagamaan; Menziarahi kubur, menyembahyang jenazah, beriktitaf di gereja, nyanyian agama, sembahyang secara individu atau berjemaah, memberi minum anak yang baru lahir serta membaptiskannya. Al-'Amīd 'Abd al-Razzāq Muḥammad Aswad (1981), *al-Madkhāl Ilā Dirāsah al-Adyān wa al-Madhāhib*. Beirut: al-Dār al-'Arabiyyah li al-Mawsū'āt, 1 : 223 – 226; Samīḥ Daghīm (1995), *op.cit.*, h. 76.

lainnya daripada kitab suci Nasrani. Bahasa yang digunakan oleh pengaruh Nasrani berbagai-bagai antaranya, Hebrew, Siryānī, Yūnānī, Ḥabsyī dan Arab. Wajar diketahui, kitab Injil agama Nasrani lebih banyak diubah kandungan asalnya oleh para pendekatnya berbanding dengan Taurat. Sehingga jauh menyeleweng dari kandungan asal Taurat dan Al-Qur'an itu sendiri<sup>95</sup>.

Mereka bukan sekadar mengubah, bahkan menyebarkan agama-agama wahyu ini di Semenanjung Tanah Arab dan sekitar. Ini antara faktor pembentukan adat, pemikiran, kefahaman, budaya, agama dan cara hidup masyarakat Arab. Budaya agama-agama ini telah bercampur aduk dengan budaya Arab, dan sumber-sumber Islam juga terpengaruh.

#### 1.4.2 Pengaruh Yahudi Dalam Islam

Sebelum kedatangan Islam, kaum Yahudi sudah bertapak di Semenanjung Tanah Arab termasuk Mekah dan Madinah. Kedua-dua tempat ini paling strategik memandangkan ia sebagai pusat perdagangan dari seluruh pelosok dunia juga tempat berkembang agama-agama sebelumnya. Di samping menjalankan urusan perniagaan, mereka juga bertindak sebagai pendakwah. Mereka telah mendirikan tempat-tempat penyebaran dan kajian yang dipanggil Midras<sup>96</sup>.

<sup>95</sup> Antaranya sembahyang menghadap ke timur, tidak berkhatan, menghalalkan daging khinzir, arak, tidak berkahwin bagi yang ingin menjadi pendeta, mengubah waktu berpuasa ke musim bunga dengan menambahinya menjadi 50 hari dan sebagainya. Penambahan dan pengurangan serta perubahan yang dilakukan ini 300 tahun selepas kewafatan Nabi 'Isā 'a.s.. Sebarang maklumat atau cerita yang didatangkan dari sumber Injil ke dalam sumber Islam wajar diberi perhatian dan lebih baik ditolak memandangkan sumbernya sudah tidak diterima oleh semua kategori ulama. Ibn Kathir (1992), *op.cit.*, 2 : 153.

<sup>96</sup> Midras merujuk kepada asalnya merupakan satu tempat yang digunakan oleh pendeta Yahudi. Midras dinisbahkan kepada kerana ia sebagai orang yang mahir dan menguasai pengajaran kitab-kitab suci pengaruh agama Yahudi iaitu yang membacakannya kepada para pengunjung di

Islam muncul di Kota Mekah dalam budaya dan fahaman serta agama yang bercampur aduk. Ketika itu bilangan Muslimin masih kecil dan golongan Yahudi dan Nasrani belum lagi menonjol di kalangan masyarakat Islam di Mekah. Setelah Rasulullah s. 'a.w. berhijrah ke Madinah, bilangan umat Islam bertambah ramai dan mula berhadapan dengan golongan Yahudi dan Nasrani yang mendiami Madinah dan sekitarnya. Tiga golongan Yahudi yang terbesar ketika itu ialah Qaynuqa<sup>97</sup>, Naqir dan Qurayzah<sup>97</sup>.

Setelah kedatangan Islam golongan Yahudi dapat dibahagikan kepada empat kategori iaitu, mereka yang beriman dengan Nabi Muhammad s. 'a.w. dengan ikhlas dan jujur yang dikenali dengan Ahli Kitab Muslim, mereka yang tetap berpegang dengan kitab Taurat dan Injil yang dikenali dengan Ahli Kitab, mereka yang berpura-pura menerima Islam yang dikenali dengan munafik dan mereka yang menolak dan menentang Islam secara terang-terangan.



Di Madinah, untuk menyatukan semua warganegara, Rasulullah s. 'a.w. telah membentuk negara Islam dan semua warganegara Madinah wajib tunduk dan patuh kepada undang-undang dan peraturan Islam yang termaktub di dalam Piagam Madinah iaitu undang-undang Islam pertama di dunia. Golongan minoriti

---

situ. Mereka akan berkumpul dan bermesyuarat mengatur strategi memperluas dakwah mereka kepada masyarakat Arab jahiliah yang tidak tahu membaca dan menulis. Kaum Yahudi terdiri dari mereka yang sudah maju dan bertamadun. Oleh itu, mereka disukai dan diiktiraf sebagai bangsa yang maju dan berilmu oleh masyarakat Arab jahiliah. Disebabkan mereka sering berkomunikasi dalam perdagangan dengan bangsa Arab, musim panas mereka akan ke Syam dan musim sejuk ke Yaman, para pendakwah dan pendeta mereka dengan mudah menyebarkan agama Yahudi. Selain itu mereka juga tinggal bersama-sama perkampungan badwi di padang pasir dan bercampur dengan mereka. Dengan demikian, berlaku percampuran budaya dan agama serta adat resam sehingga sukar dibezakan. Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalāni (1997), *Fath al-Bārī*. Riyadh: Dār al-Salām, 12: 397; Ibn Hisyām (1994), *op.cit.*, 2 : 165.

<sup>97</sup> Ibn Kathir (1992), *op.cit.*, 3 : 262.

berjumpa dengan mereka dan menyeru mereka menerima perutusan Nabi Muhammad s. 'a.w., namun mereka mengemukakan berbagai hujah dan dalih serta sering berdebat dengan Nabi dan Sahabat<sup>102</sup>.

4

Selain itu, mereka juga mengingkari ayat-ayat keterangan Allah yang terdapat dalam kitab Injil asal sedangkan mereka mengetahui kebenarannya, sebagaimana firman Allah surah 'Āl 'Imrān ayat 70. Mereka juga mengubah kandungan kitab Injil dan menyembunyikan kebenaran. Allah ada menyebutnya di dalam Al-Qur'an surah 'Āl 'Imrān ayat 71<sup>103</sup>.

Melalui sikap dan tindakan mereka, dapatlah dirumuskan bahawa<sup>104</sup>:

- a. Mereka memeluk Islam secara *nifāq* dan mencampurkan fakta sebenar dengan yang lain tanpa disedari.
- b. Mereka memeluk Islam (dengan tujuan mempersenda) kemudian murtad. Ini bertujuan supaya penganut-penganut Islam yang lain merasakan agama Islam ada kelemahan dan kecacatan.
- c. Mereka juga mengutarakan persoalan yang bercampur aduk antara yang benar dan salah kepada Rasulullah s. 'a.w. dan Sahabat agar masyarakat menganggap mereka lebih mahir.

<sup>102</sup>Tanjawi (1997), *op.cit.*, h. 69.

<sup>103</sup>Antara sikap mereka terhadap dakwah dan agama Islam ialah terbahagi kepada 3 golongan iaitu yang jujur menerima Islam, munafik dan menentang secara terus terang dan kekerasan. Namun dari ketiga-tiga kategori ini, yang paling sedikit jumlahnya ialah kategori pertama iaitu yang benar-benar jujur beriman, sebagaimana dalam surah al-Baqarah (2) : 88.

<sup>104</sup>Abd al-Rahmān Ḥasan Ḥabannakah al-Maydānī (1974), *Makā'id Yahūdiyyah 'Abr al-Tārīkh*. Damsyik : Dār al-Qalam, h. 47 - 50.

- d. Mereka juga sering menimbulkan persoalan yang sukar dan pelik kepada Rasulullah s. 'a.w. dan Sahabat untuk menunjukkan bahawa mereka lebih dahulu mengetahui hal-hal yang berkaitan dengan agama samawi.
- e. Mereka melakukan tekanan perasaan seperti tuduhan dan fitnah terhadap penganut agama Yahudi yang masuk Islam dengan jujur, agar masyarakat Islam hilang kepercayaan kepada mereka yang beriman.
- f. Mereka tidak mematuhi perjanjian yang dimeterai dengan Rasulullah s. 'a.w..
- g. Mereka menyertai perperangan Rasulullah s. 'a.w. dan Sahabat untuk menanamkan sifat takut dan tidak yakin dengan kemenangan di kalangan tentera Islam.
- h. Mereka mengadakan pakatan sulit antara musuh-musuh Islam yang lain untuk menentang Islam dengan memberi maklumat.

#### **1.4.3 Sejarah Perkembangan Israiliyyat Dalam Penulisan Islam**

Unsur-unsur cerita Israiliyyat mula menular ke dalam budaya Arab pada zaman jahiliah lagi yang dibawa oleh Ahli Kitab berbangsa Yahudi. Kebanyakan mereka mendiami Madinah dan kawasan sekitar seperti Qaynuqa<sup>4</sup>, Naqir dan Qurayzah dan ada yang tinggal jauh dari 'Madinah seperti Khaybar, Taymā', Fadak dan Wādī al-Qurā. Mereka telah mengkhususkan satu pusat iaitu Midras<sup>105</sup>.

---

<sup>105</sup>Rasulullah s. 'a.w. serta Sahabat telah pergi ke Midras dan berdakwah kepada mereka agar menerima peratusan Baginda dengan meninggalkan agama mereka yang telah banyak menyeleweng. Semasa dakwah ini berlakunya banyak perdebatan, pertikaian dan perbincangan antara Ahli Kitab dengan tujuan menyakitkan hati Rasulullah s. 'a.w. dan menjatuhkan Islam.

untuk kajian dan penyelidikan kebudayaan warisan yang mereka warisi, di samping menyebar ajaran mereka, bermesyuarat dan berkumpul serta beribadat<sup>106</sup>.

Antara mereka; yang pakar dalam selok belok agama Yahudi pada peringkat awal ialah ‘Abd Allāh bin Salām dan ‘Abd Allāh bin Sūria yang merupakan orang paling pakar tentang kandungan kitab Taurat di Hijāz pada masa itu. Masyarakat Arab yang berkomunikasi awal dengan golongan Yahudi ialah golongan badwi yang kebanyakannya mereka tidak tahu membaca dan menulis. Hal ini jauh berbeza dengan golongan Yahudi yang lebih maju dan bertamadun.

Hakikatnya golongan Yahudi sudah sedia maklum mengenai Islam yang akan muncul di Mekah dan Madinah sebagaimana tercatat dalam kitab-kitab suci mereka<sup>107</sup>, tetapi mereka cuba menyembunyikan kebenaran ini. Mereka telah diberi khabar akan kedatangan Rasulullah s.‘a.w. sebagai pembawa Islam yang menjadi penyudah segala nabi dan rasul. Sebagaimana firman Allah:

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ الَّذِي أَنْذَلْنَا إِلَيْهِ مُكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ

وَالْإِنجِيلِ

Surah al-A'rāf (7): 157.

Terjemahan: (*laitu*) Orang-orang yang mengikut Rasulullah s.‘a.w. (*Muhammad s.‘a.w.*), Nabi yang ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka.”

<sup>106</sup> Al-Dhahabī (1985), *op.cit.*, h. 22.

<sup>107</sup> *Op.cit.*, *sifr al-'Isy'ya'* : 42.

Dakwah Rasulullah s.'a.w. bukan sekadar kepada bangsa Arab di Semenanjung Tanah Arab, bahkan juga kepada golongan Yahudi dan Nasrani yang mendiami kawasan sekitarannya. Hal ini menyebabkan wujudnya komunikasi dua hala antara Rasulullah s.'a.w. dan Sahabat dengan ahli agama mereka. Mereka sering berdebat dengan Rasulullah s.'a.w. dengan bertanyakan persoalan-persoalan yang pelik dan rumit seperti hakikat roh, kiamat dan lainnya. Hasil daripada perdebatan dan perbincangan antara Rasulullah s.'a.w. dan ahli agama mereka, ada yang terus menerima Islam.

Golongan Ahli Kitab adalah mereka yang mempunyai ilmu yang luas tentang sejarah dan kisah-kisah umat terdahulu dan orang yang paling berilmu di kalangan bangsa mereka<sup>109</sup>. Setelah mereka memeluk Islam, ada kalangan orang-orang Islam yang berbincang dan bertanyakan mereka mengenai peristiwa, cerita, individu dan tokoh yang disebut dalam Al-Qur'an seperti kisah Dhū al-Qarnayn<sup>110</sup>.

'Abd Allāh bin 'Amr bin al-'Ās (m. 63 H.) juga pernah meriwayatkan cerita daripada Ahli Kitab Muslim<sup>111</sup>. Hal ini kerana beliau berpegang kepada keizinan Rasulullah s.'a.w. yang boleh mendengar dan meriwayatkan cerita yang hanya dibenarkan syarak<sup>112</sup>.

<sup>109</sup> Al-Dhahabi (1985), *op.cit.*, h. 24.

<sup>110</sup> Perbezaan pendapat antara Ibn 'Abbās dengan Mu'āwiya berkisar bacaan ayat tersebut di mana Mu'āwiya membaca (عین حلبیة) maknanya pancutan mata air panas manakala Ibn 'Abbās membaca (عین حنفیة) maknanya tanah hitam. Lalu kedua-dua mereka bersetuju untuk bertanyakan Ka'ab al-Āḥbār berkenaan bacaan ayat tersebut di dalam Taurat. Mereka bertanya Ka'ab: Bagaimana kamu dapat matahari dalam Taurat? Lalu jawab Ka'ab: Di dalam tanah hitam. Jawapan Ka'ab itu menunjukkan selaras dengan bacaan Ibn 'Abbās. Al-Tabarī (1997), *op.cit.*, 8 : 274.

<sup>111</sup> Cerita itu ialah mengenai dua Sahabat yang terdapat dalam kitab Ahli Kitab.

<sup>112</sup> Al-Bukhāri, *op.cit.*, no. hadith 3461; Ibn Hajar (1997), *op.cit.*, 5 : 606.

juga mengatakan ‘Ali berada di atas awan dan suara petir serta guruh di langit adalah suara ‘Ali. Mereka mengatakan sesiapa yang mendengar suara guruh hendaklah berkata, maksudnya: *Salam atasamu, wahai Amir al-Mu’mīn*. Menurut mereka lagi, ‘Ali adalah Imam Mahdi yang dinanti-nanti dan akan turun pada akhir zaman untuk membala dendam atas musuh-musuhnya. Pengasas fahaman ini ialah ‘Abd Allāh bin Saba’, seorang Yahudi<sup>117</sup>.

Kajian ini mendapati tujuan asal periwayatan cerita-cerita berunsur Israiliyyat peringkat awalnya adalah terkawal dan dibawa oleh mereka yang mahir ilmu agama. Namun atas peluang ini golongan Yahudi dan Nasrani yang tidak menerima Islam telah mengambil kesempatan mencampurkan ke dalam sumber-sumber Islam cerita berunsur Israiliyyat yang bertentangan dengan Islam.

Antara lain penulis tidak menafikan adanya cerita Israiliyyat dari kalangan mereka yang tidak menerima Islam menggunakan nama orang Islam dan Ahli Kitab yang telah memeluk Islam yang telah mendapat kepercayaan di kalangan umat Islam. Mereka menyandarkan riwayat mereka kepada Rasulullah s. a. w., atau Sahabat atau Tābi‘īn besar.

Sebagai contoh, al-Suyūṭī (m. 911 H) ada membawa kisah mengenai seorang Yahudi yang menyandarkan ceritanya kepada perawi masyhur iaitu Imam Ahmad bin Ḥanbal (m. 241 H.) dan Yaḥyā bin Ma‘īn (m. 233 H.). Riwayat itu

---

<sup>117</sup>Ini jelas bertentangan dengan fahaman Yahudi itu sendiri yang menolak Nabi ‘Isā naik ke langit, tetapi telah disalib. Fahaman ini menunjukkan pendustaan Yahudi untuk memecahkan umat Islam. ‘Abd al-Qāhir bin Tāhir al-Baghdādī (1977), *al-Farq Bayn al-Firaq*, c. 2. Beirut: Dār al-Āfāq al-Jadidah, h. 223-224.

berkenaan kelebihan kalimah *Lā Ilāh Illā Allāh*. Sesiapa yang membacanya, Allah akan menjadikan setiap perkataan pada *Lā Ilāh Illā Allāh* seekor burung, paruhnya daripada emas dan bulunya daripada marjan. Hal ini disedari sendiri Imam Ahmad dan Yahyā bin Ma‘īn<sup>118</sup> yang hadir di majlis lelaki Yahudi itu<sup>119</sup>.

Penulis mendapati kebanyakan riwayat berunsur Israiliyyat yang ada di dalam penulisan Islam secara umumnya banyak meliputi persoalan sejarah, kelebihan-kelebihan, akidah dan sedikit berkaitan dengan hukum. Antara persoalan akidah ialah yang berkaitan dengan *ghaybiyyāt*. Topik utama antaranya, berkaitan dengan syurga, neraka, malaikat, syaitan, jin, *'Arasy, kursiyy*, roh, alam barzakh dan sebagainya.

Antara contoh riwayat Israiliyyat berkaitan dengan akidah ialah sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī ketika mentafsirkan ayat dalam surah al-Zumar ayat 67. Ayat ini mentafsirkan hadith riwayat ‘Ubaydah daripada ‘Abd Allāh r. ‘a. katanya yang bermaksud: Seorang pendeta Yahudi telah datang berjumpa Rasulullah s. ‘a.w. dan berkata: *Wahai Muhammad, kami dapati bahawa Allah mencipta langit di atas sebatang jari, bumi-bumi juga dicipta di atas sebatang jari, pokok-pokok dicipta di atas sebatang jari, air dicipta di atas sebatang jari dan semua makhluk dicipta di atas sebatang jari.* Ia berkata lagi : *Kami adalah raja.* Mendengar kata-kata pendeta Yahudi itu, Nabi ketawa

<sup>118</sup> Beliau ialah Yahyā bin Ma‘īn, Abū Zakariā al-Hāfiẓ al-Imām al-‘Ilm, penghulu para *hāfiẓ*. Imam Ahmad mengatakan: Setiap riwayat yang tidak diakui oleh Yahyā, ia bukan hadith. Meninggal dunia di Madinah tahun 233 H.

<sup>119</sup> Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abū Bakr al-Suyūṭī (1972), *Tahdhīr al-Khawāṣ Min Akādhīb al-Qusṣāṣ*. Muḥammad al-Šabbāgh (ed.), T.T.P., al-Maktab al-Islāmī, h. 142-143; Syams al-Dīn Muḥammad bin Ahmad al-Dhahabī (1995), *Mīzān al-I’tidāl*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1:47.

sehingga nampak geraham giginya, membenarkan ucapannya itu. Kemudian Nabi s. 'a.w. membaca ayat ini<sup>120</sup>.

Selain akidah, penulisan berkaitan dengan sejarah juga tidak terkecuali daripada pengaruh riwayat berunsur Israiliyyat. Hal yang demikian dapat dilihat di dalam sumber-sumber sejarah yang dipetik daripada sumber Israiliyyat. Antaranya: Kisah-kisah nabi, umat terdahulu, sejarah penciptaan dunia dan sebagainya.

Sebagai contohnya, riwayat yang dipetik dari kitab Taurat bahawa Allah telah menyuruh Nabi Nūḥ 'a.s. membuat kapal daripada kayu jati. Kapal itu panjangnya 80 puluh hasta, lebarnya 50 hasta, bahagian luar dan dalamnya dipenuhi dengan tar serta haluan kapal hendaklah tajam dapat membelah air<sup>121</sup>.

Selain akidah dan sejarah, penulisan mengenai hukum juga dipengaruhi oleh riwayat berunsur Israiliyyat. Antara contoh yang berkaitan dengan hukum sebagaimana hadith riwayat 'Abd Allāh bin 'Amrū, katanya:

إِنَّ الْيَهُودَ جَاءُوا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرُوا لَهُ أَنَّ رَجُلًا مِنْهُمْ وَامْرَأً رَبَّيَا فَقَالَ لَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا تَحْدِثُونَ فِي التُّورَةِ فِي شَانِ الرَّجْمِ فَقَالُوا نَفْسَهُمْ وَيَجْلِدُونَ قَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ سَلَامٍ كَذَبْتُمْ إِنَّ فِيهَا الرَّجْمَ فَأَكْتُورُا بِالْتُّورَةِ فَشَرُّوْهَا فَوَضَعَ أَخْدُهُمْ يَتَهُ عَلَى آيَةِ الرَّجْمِ فَقَرَأَ مَا قَبْلَهَا وَمَا يَعْدَهَا فَقَالَ لَهُ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ سَلَامٍ ارْفِعْ

<sup>120</sup> Al-Bukhārī, Kitāb *Tafsīr Al-Qur'ān*, Bab *Qawluhu: Wa Ma Qadari Allāh...*, no. hadith 4437; Muslim, Kitab *Sifah al-Qiyāmah wa al-Jamāh wa al-Nār*, no. hadith 4993; Al-Tirmidhī, *Tafsīr Al-Qur'ān 'an Rasūl Allāh*, no. hadith 3162.

<sup>121</sup> Ibn Kathīr (1998), *op.cit.*, 2 : 584.

يَدْكَ فَرَقَعَ يَنْهُ فَلَمَّا فِيهَا آتَيْهُ الرَّجُمْ  
 فَأَمَرَّ يَهُمَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرِجِمًا فَرَأَيْتُ الرَّجُلَ يَخْنِي  
 عَلَى الْمَرْأَةِ يَقِيَّهَا الْحِجَارَةَ.<sup>122</sup>

Maksudnya: Segolongan Yahudi datang kepada Rasulullah s.'a.w. dan memberitahu Baginda bahawa seorang lelaki dari kalangan mereka dan seorang wanita telah berzina. Lalu Rasulullah s.'a.w. bertanyakan kepada mereka : Apakah kamu tidak dapati hukuman rejam di dalam kitab Taurat ? Mereka menjawab : Kami memberi aib (malu) kepada mereka dan memukul mereka. Lalu 'Abd Allāh bin Salām mengatakan: Kamu berdusta. Ambil kitab Taurat dan bacalah. Salah seorang dari mereka telah menutup dengan tangannya ayat yang menerangkan tentang hukuman rejam. Ia hanya membaca keterangan sebelum dan selepas ayat rejam yang ditutupnya. 'Abd Allāh bin Salām mengatakan kepadanya: Angkat tangan kamu. Lalu ia mengangkat tangannya dan nampaklah ayat rejam yang ditutupnya tadi. Mereka berkata: Benar, wahai Muhammad, itu adalah ayat rejam. Lalu Rasulullah s.'a.w. menyuruh mereka yang berzina direjam. 'Abd Allāh bin 'Amrū mengatakan: Aku melihat lelaki itu mengelak di sebalik wanita itu kerana mengelak dari lemparan batu rejam ke atasnya.

Contoh-contoh ini merupakan kisah yang menggambarkan pengaruh Israiliyyat di dalam penulisan dan sumber Islam. Riwayatnya ada yang tidak bersalahan dengan syarak, bersalahan dengan fakta sejarah serta percubaan golongan Yahudi yang ingin mengubah hukum Allah. Perbincangan lebih lanjut penulis akan kemukakan di dalam bab berikutnya.

Sebagai rumusannya, penulis mendapati riwayat berunsur Israiliyyat meresap ke dalam sumber-sumber dan penulisan Islam adalah secara langsung dan tidak langsung. Ia berkait rapat dengan penukilan riwayat dan sumber perolehannya. Malahan kedapatan penulisan mereka yang dieksplorasi faktanya

<sup>122</sup> Al-Bukhārī, Kitab al-Hudūd, Bab Ahkām Ahl al-Dhimmah..., no. hadith 6336; Muslim, Kitab al-Hudūd, Bab Rajm al-Yahūd..., no. hadith 3211; Abū Dāwūd, Kitab al-Hudūd, Bab Fī Rajm al-Yahūdiyyayn, no. hadith 3856; Mālik, Kitab al-Hudūd, Bab Mā Jā'a fī al-Rajm, no. hadith 1288.

selepas kematian mereka. Sebagai contohnya al-Tabarī (m. 310 H), Wahab bin Munabbih (m. 114 H.) dan lainnya. Hal yang demikian disedari oleh sebahagian pengkaji tentang biodata mereka.

4

Selain itu, tidak kurang juga sikap penulis yang tidak mahu mengkhianati amanah ilmu. Mereka mencatatkan segala maklumat yang diperolehi tanpa membuat sebarang tapisan. Ada yang membuat ulasan di dalam karya mereka seperti Ibn Kathīr (m. 774 H.), al-Fakr al-Rāzī (m. 606 H.), malah ada yang mengkritiknya di dalam karya mereka selepasnya secara berasingan seperti al-Suyūṭī (m. 911 H.).

Justeru, ia berkait rapat dengan beberapa faktor dalaman dan luaran yang menyumbang kepada wujudnya cerita-cerita berunsur Israiliyyat di dalam penulisan Islam. Kajian ini merasakan wajar dikemukakan beberapa faktor merebaknya riwayat berunsur Israiliyyat ke dalam sumber Islam.

## 1.5 Faktor Periwayatan Israiliyyat

Pengaruh riwayat Israiliyyat di dalam sumber-sumber dan penulisan Islam mempunyai sebab-sebabnya tersendiri. Kajian ini mendapati ada beberapa faktor mendorong tersebarnya riwayat berunsur Israiliyyat. Ia boleh dibahagikan kepada dua faktor utama iaitu dalaman dan luaran.

### 1.5.1 Faktor Dalaman

Faktor dalaman memainkan peranan penting mendorong tersebarnya riwayat berunsur Israiliyyat, antaranya:

- a. Pada peringkat awalnya, Rasulullah s.'a.w. melarang Sahabat mendengar cerita-cerita daripada kalangan Ahli Kitab. Hal yang demikian kerana akidah umat Islam pada masa itu masih belum mantap. Namun setelah umat Islam semakin mendalam pengetahuan agama, Rasulullah s.'a.w. membenarkan Sahabat mendengar cerita daripada Ahli Kitab. Kebenaran ini adalah bersyarat iaitu untuk berhujah dengan golongan Ahli Kitab bukan Islam, sebagai pengajaran dan peringatan serta cerita-cerita yang tidak bertentangan dengan agama. Dengan cara ini cerita berunsur Israiliyyat mula menular di kalangan umat Islam ketika itu.
  
- b. Terdapat kalangan umat Islam yang berpegang kepada hadith yang membenarkan cerita-cerita berunsur Israiliyyat. Antaranya segelintir para *mufassirin*, seperti ‘Ikrimah, al-Kalbi<sup>123</sup>, al-Suddi<sup>123</sup>, al-Dahhāk, Muqātil bin Sulaymān dan Abū Bakr al-‘Aṣam<sup>123</sup>.
  
- c. Kandungan sebahagian Al-Qur'an yang mengandungi beberapa maklumat yang juga disebut dalam kitab Taurat dan Injil. Sebagai contohnya, Al-Qur'an menceritakan tentang kelahiran Nabi ‘Īsā 'a.s. dan mukjizat

---

<sup>123</sup> Al-Jāḥiẓ (1940), ‘Abd al-Salām Hārūn (ed.), *al-Hayawān*, Mesir: al-Bābī al-Ḥalabī, I : 343 – 346.

Baginda. Hal yang sama juga terdapat di dalam Injil<sup>124</sup>. Justeru, umat Islam yang boleh membaca dalam bahasa Hebrew akan membacanya. Bagi mereka yang tidak tahu membacanya, mereka akan bertanya Ahli Kitab yang telah memeluk agama Islam atau mereka yang tidak memeluk Islam.

- d. Perselisihan fahaman di kalangan umat Islam yang menyebabkan masing-masing mencari hujah yang lebih kukuh untuk mempertahankan pendapat mereka. Hal yang demikian menyebabkan mereka kurang teliti ketika menerima dan mengambil riwayat atau cerita-cerita. Malah ada segelintir yang mengambil cerita-cerita berunsur Israiliyyat dengan dikiaskan kepada aliran mereka. Contohnya cerita tentang kematian ‘Alī *k.w.* yang dikiaskan dengan keadaan Nabi ‘Isā ‘a.s. yang diangkat ke sisi Allah.
- e. Antara lain juga, kitab-kitab tafsir yang mengandungi riwayat-riwayat berunsur Israiliyyat yang *maqbūl*, *mardūd* dan *maskūt* bercampur aduk tanpa dibuat sebarang penilaian atau analisis. Antaranya *Tafsīr al-Tabarī* dan *Tafsīr Muqātil bin Sulaymān*. Ada kalangan perawi yang mereka nukilkan daripada Ahli Kitab seperti ‘Abd Allāh bin Salām, Wahab bin Munabbih dan Ka‘ab al-Aḥbār (m. 32 H.)<sup>125</sup>.

<sup>124</sup> *Al-Kitab al-Muqaddas, Tārikh al-‘Ahd al-Qadīm, al-Anbiya’, Tārikh al-Bisyārah wa A‘māl al-Rusul* dan Injil, seperti Mathew (8) : 1-4 dan Mark (6) : 45-52 dan (7) : 31-37

<sup>125</sup> Ada juga kalangan perawi yang dikenali banyak meriwayatkan cerita-cerita berunsur Israiliyyat seperti Isrā’īl, Asbāt, al-Suddi dan lainnya. Kitab-kitab tafsir ini dijadikan rujukan oleh pengarang-pengarang selepasnya malah seluruh dunia hingga ke Nusantara.

- f. Kitab-kitab sejarah juga tidak terkecuali dalam meriwayatkan cerita dan riwayat berunsur Israiliyyat. Contohnya *al-Sīrah al-Nabawiyah* karangan Ibn Hisyām yang mana ada antara kategori riwayat Israiliyyat yang dinukilkan bertaraf *maqbūl*, *mardūd* dan *maskūt*.
- g. Umat Islam sendiri menyukai cerita-cerita aneh dan pelik menyebabkan penyampai atau pendakwah menggunakan metode ini dalam menyampaikan pengajaran mereka. Cerita-cerita yang diselit dalam pengajaran setengahnya disalin semula oleh muridnya tanpa sebarang tapisan atau pengasingan. Ini adalah sikap amanah mereka dalam menukilkan semula pengajaran guru mereka dalam bentuk tulisan. Ada yang sempat dirujuk kembali oleh guru. Hal yang demikian menyebabkan sebarang tambahan tidak disengajakan dan ia terus menjadi bahan bacaan dan rujukan generasi selepasnya<sup>126</sup>.
- h. Islam memberikan kebebasan berhujah, berbincang dan mendapatkan maklumat untuk menambah ilmu pengetahuan. Justeru, mereka cuba mendapatkannya daripada Ahli Kitab yang mempunyai maklumat yang terperinci tentang cerita-cerita ghaib dan sejarah.

---

<sup>126</sup> Terdapat kalangan mereka yang mengarang kitab lain yang membawa riwayat yang sebenar dan menyenaraikan cerita-cerita para pendusta yang menyandarkan kepada perawi *thiqah*, hakikatnya ia bukan riwayat mereka. Contohnya Imam al-Suyuti, kitabnya berjudul *Tahdhīr al-Khwāṣ Min Akādhīb al-Quṣṣāṣ*. Di dalamnya dibawa riwayat-riwayat yang disandarkan kepada perawi *thiqah* oleh para pencerita. Ada yang sempat diperbetul oleh perawi tersebut malah ada yang tidak sempat dilakukan pembetulan.

### **1.5.2. Faktor Luaran**

Faktor luaran juga memainkan peranan yang penting ke arah tersebarnya riwayat berunsur Israiliyyat, antaranya:

- a. Penganut Yahudi dan Nasrani adalah mereka yang giat menjalankan menyebarkan ajaran agama mereka. Kebanyakan mereka yang mendiami Madinah serta sekitarannya adalah mereka yang berpegang dengan kitab Taurat dan Injil. Namun kitab yang mereka dakwa sebagai kitab suci itu sudah mengalami pindaan dan perubahan. Untuk tujuan tersebut, masyarakat Arab Jahiliah yang tidak tahu menulis dan membaca adalah sasaran dakwah mereka. Dengan mudah golongan Ahli Kitab dapat masuk dan berdakwah kepada mereka. Lantas ajaran dan budaya mereka dengan mudah mendapat tempat di kalangan masyarakat Arab.
  
- b. Ahli Kitab mendakwa Taurat dan Injil yang berada di tangan mereka juga adalah wahyu Allah kepada Nabi Mūsā dan ‘Isā ‘a.s. Tambahan pula di dalam kitab Taurat dan Injil ada menceritakan tentang nama individu yang tidak disebut di dalam Al-Qur’ān, warna tertentu atau juga tahun kejadian. Kitab itu juga menceritakan secara terperinci rentetan peristiwa bermula dari asal kejadian, syurga, neraka, kisah-kisah dan peristiwa dari Nabi Ādam hingga Nabi Muhammad s. ‘a.w. Lantaran itulah cerita-cerita ini dapat diselidiki ke dalam sumber-sumber Islam terutamanya kitab tafsir dan sejarah.

- c. Persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Kitab tentang siapakah yang mencipta Allah, bagaimana Allah dicipta, kedudukan Allah, hakikat roh dan sebagainya. Pertanyaan dan persoalan mereka ini, dicatatkan oleh para penulis dan diedarkan kepada umat Islam. Walaupun Rasulullah s. 'a.w. dapat menjawab semua persoalan yang ditujukan, namun fitrah manusia lebih mengingati fakta yang pelik dan tiada dalam pengetahuan mereka. Lama kelamaan dengan perubahan zaman dan keadaan, cerita-cerita ini meniti di fikiran umat Islam.
- d. Terdapat kalangan Ahli Kitab yang menerima Islam. Namun ada di kalangan mereka dalam masa yang sama masih mengamalkan adat resam dan budaya mereka dan membawa bersama ke dalam ajaran Islam. Justeru, apabila mereka berkomunikasi dengan masyarakat Islam, sedikit sebanyak mereka terbawa-bawa ajaran dan fahaman mereka. Tanpa disedari ia bercampur dengan sumber-sumber Islam.
- e. Kitab Taurat serta tafsirannya yang julung kali diterjemahkan dari bahasa Hebrew ke dalam bahasa Arab telah dipelopori oleh Yūhānā Asqaf Isybiliah pada tahun 724 M<sup>127</sup>. Terjemahan ini menyebabkan masyarakat Arab lebih mudah memahami Taurat dan ramai yang tertarik dengan kandungannya sehingga dijadikan rujukan oleh segelintir pendakwah dan pengarang.

---

<sup>127</sup> Menurut Ibn Nadīm pula, Ahmad bin 'Abd Allāh bin Salām al-Injiliyah adalah orang pertama menterjemahkan Taurat dari bahasa Hebrew ke bahasa Arab.

- f. Penubuhan pusat penyelidikan Ahli Kitab dikenali sebagai Midras adalah pendorong kepada penyebaran fahaman mereka. Selain Taurat, mereka juga ada risalah, lembaran-lembaran ajaran agama mereka dan buku-buku karangan paderi dan pendeta mereka yang dibawa bersama ketika penghijrahan beramai-ramai ke Semenanjung Tanah Arab.
- g. Selain komunikasi sosial, golongan Ahli Kitab juga menjalankan hubungan perniagaan dengan masyarakat Arab dan umat Islam khususnya. Hal ini tidak secara langsung mereka akan saling berkenalan dan berhubung.
- h. Ada kalangan Ahli Kitab yang memeluk Islam secara ikhlas, namun bilangan ini adalah sedikit berbanding mereka yang memeluk Islam secara *nifāq*. Seperti ‘Abd Allāh bin Saba’ yang banyak memainkan peranan menimbulkan keraguan dan menyebabkan perpecahan di kalangan umat Islam.

#### **1.6 Hukum Riwayat Israiliyyat**

Kedudukan riwayat Israiliyyat mendapat perhatian ulama hadith antaranya ada yang menerima, malah tidak kurang yang menolak dan ada yang mengambil sikap pertengahan antara kedua pandangan ini. Masing-masing menyatakan dalil dan hujah mereka berdasarkan syarat dan kaedah tertentu yang dapat dibicarakan sebagaimana berikut:

### **1.6.1 Hujah-Hujah Tegahan**

Sebahagian ulama hadith telah mengambil sikap lebih berhati-hati tidak mahu menukil dan meriwayatkan cerita berunsur Israiliyyat ke dalam sumber Islam. Mereka menolak cerita berunsur Israiliyyat berdasarkan beberapa hujah, antaranya:

**a. Al-Qur'an melarang bertanya kepada Ahli Kitab.**

Al-Qur'an telah menyatakan dengan jelas bahawa umat Islam adalah dilarang bertanya Ahli Kitab tentang cerita-cerita umat-umat terdahulu, seperti bilangan *Ashāb al-Kahf* kerana Ahli Kitab juga tidak mengetahui secara detail keadaan mereka yang sebenar<sup>128</sup>. Ini adalah kerana pertanyaan-pertanyaan mengenai hal yang remeh begini menyebabkan mereka akan memberikan jawapan yang salah dan mengelirukan. Mereka tidak <sup>وَلَا</sup> mahu mengatakan tidak tahu tetapi cuba sedaya upaya mereka-reka fakta yang jawapan yang salah sebagaimana yang telah dilakukan terhadap kitab-kitab yang diwahyukan sebelum ini. Hal yang demikian dinyatakan oleh Allah melalui firman-Nya:

فَلَا تُعَارِفُوهُمْ إِلَّا مِرَأَةٌ ظَهَرَتْ فِيهِمْ مِنْهُمْ أَحَدًا ﴿٢٢﴾  
Surah al-Kahf (18) : 22.

Terjemahannya : Oleh itu, janganlah engkau berbahas dengan sesiapapun mengenai mereka melainkan dengan bahasan (secara sederhana) yang nyata (keterangannya di dalam Al-Quran), dan janganlah engkau meminta penjelasan mengenai hal mereka kepada seseorangpun dari golongan (yang membincangkan hal mereka).

<sup>128</sup> Al-Tabari (1997), op.cit., 8 : 207.

Terjemahannya : "Atau patutkah kamu mengatakan, bahawa Nabi Ibrāhīm, dan Nabi Ismā'īl, dan Nabi Ishaq, dan Nabi Ya'qūb berserta anak-anaknya, mereka semua adalah orang-orang Yahudi atau Nasrani, (padahal agama mereka telahpun ada sebelum adanya agama Yahudi atau agama Kristian itu)?" Katakanlah (wahai Muhammad): "Adakah kamu yang lebih mengetahui atau Allah? Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang menyembunyikan keterangan (saksi dan bukti) yang telah diberikan Allah kepadanya?" Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang telah kamu lakukan."

- d. Al-Qur'an memerintahkan Muslim menapis berita-berita yang didengar.

Al-Qur'an juga mewajibkan umat Islam meneliti setiap khabar berita yang dibawa oleh orang fasik, lebih-lebih lagi orang yang tidak beragama Islam. Hal ini telah Allah sebut di dalam Al-Qur'an, firman-Nya:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ يَتَبَرَّأُ فَتَبَيَّنُوا أَنْ تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَلٍ  
فَتُضْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَدِيمُونَ ⑤  
Surah al-Hujurāt (49) : 6.

Terjemahannya : Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpa sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.

e. **Larangan Rasulullah agar tidak meriwayatkan cerita Israiliyyat.**

Tindakan Nabi s. 'a.w. melarang Sahabat dan umat Islam meriwayatkan cerita dari Bani Israil menguatkan keyakinan mereka. Baginda mengingatkan umat Islam melalui riwayat Ibn 'Abbās, sabdanya:

يَا مَعْشِرَ الْمُسْلِمِينَ كَيْفَ سَأْلُونَ أَهْلَ الْكِتَابِ وَكَيْتَابُكُمُ الَّذِي أُنْزِلَ عَلَىٰ  
نَبِيِّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحَدُ الْأَخْبَارِ بِاللَّهِ تَقْرَئُوهُ لَمْ يُسْبَبْ وَقَدْ  
حَدَّثُكُمُ اللَّهُ أَنَّ أَهْلَ الْكِتَابِ بَدَّلُوا مَا كَتَبَ اللَّهُ وَغَيْرُوا بِأَيْدِيهِمُ الْكِتَابَ  
فَقَالُوا هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لَيَسْتُرُوا يَهُؤُلَاءِ قَلِيلًا أَفَلَا يَنْهَاكُمُ مَا جَاءَكُمْ مِنْ  
الْعِلْمِ عَنْ مُسَاءَتِهِمْ وَلَا وَاللَّهُ مَا رَأَيْنَا مِنْهُمْ رَجُلًا قَطُّ يَسْأَلُكُمُ عَنِ النَّبِيِّ  
أُنْزِلَ عَلَيْكُمْ<sup>129</sup>.

Maksudnya : Wahai kaum Muslimin sekalian, kamu telah bertanya kepada Ahli Kitab, padahal Kitab kamu yang diturunkan Allah kepada Nabi-Nya telah menceritakan berbagai macam cerita secara langsung daripada Allah yang kamu membacanya dan Kitab itu (dijamin) tidak akan rosak. Allah telah menceritakan kepada kamu bahwa Ahli Kitab telah mengubah apa yang ditetapkan Allah dan dengan kemampuannya mereka telah mengubah kitab-kitabnya kemudian mereka menyatakan kitab itu dari Allah agar orang-orang menuarkannya dengan harga dunia yang murah. Apakah ilmu yang kamu terima itu tidak melarang kamu untuk bertanya kepada mereka ? Tidak demi Allah, aku tidak pernah melihat seorang pun di antara mereka bertanya kamu tentang kitab (Al-Qur'an) yang diturunkan kepada kamu.

<sup>129</sup> Al-Bukhārī, op.cit., Kitab al-'tiṣām bi al-Kitāb wa al-Sunnah, Bab Qawl al-Nabiy s. 'a.w. : Lā Tas' al Aḥl al-Kitāb 'an Syay', no. hadith 7363; Ibn Hajar (1997), op.cit., 13 : 405

f. Rasulullah s.'a.w. tidak menyenangi tindakan Umar yang memegang lembaran Taurat.

Antara lain lagi,<sup>130</sup> Rasulullah s.'a.w. sendiri memberitahu Sahabat bahawa Baginda tidak menyenangi dan melarang Sahabat merujuk kepadanya tentang berita Bani Israil. Hal ini dapat dilihat dari hadith riwayat Jābir bin ‘Abd Allāh r.'a. yang menceritakan bahawa ‘Umar al-Khaṭṭāb telah datang berjumpa Rasulullah s.'a.w. dengan membawa bersamanya kitab yang diterima daripada Ahli Kitab, lalu beliau membacakannya kepada Nabi s.'a.w.. Baginda bersabda:

وَالَّذِي نَفْسِي يَبْلُو لَقَدْ جِئْتُكُمْ بِهَا بَيْضَانَةً نَقِيَّةً لَا تَسْأَلُوهُمْ عَنْ شَيْءٍ فَإِنْخِرُوكُمْ بِحَقِّ فَتَكَدِّبُوا يَوْمًا أَوْ يَنَاطِلُ فَنَصَدِّقُوا يَوْمًا وَالَّذِي نَفْسِي يَبْلُو لَوْ أَنَّ مُوسَى صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ حَيَاً مَا وَسِعَهُ إِلَّا أَنْ يَتَعَنَّيْ<sup>130</sup>.

Maksudnya: Demi diriku di dalam kuasa-Nya, aku telah membawakan kepada kamu semua sesuatu yang suci bersih, jangan kamu tanya sesuatu yang mana mereka akan ceritakan kepada kamu sesuatu yang benar namun kamu dustainya atau menceritakan kepada kamu sesuatu yang dusta dan tidak benar lalu kamu mempercayainya ! Demi diriku di dalam kuasa-Nya, jika Nabi Allah Mūsā 'a.s. masih hidup nescaya ia tidak akan mempermudahkannya melainkan ia akan mengikutku.

g. Tegahan Sahabat

Selain Rasulullah, Sahabat juga melarang bertanya Ahli Kitab hal-hal berkaitan dengan agama, antara mereka ialah Ibn Mas'ūd, katanya:

<sup>130</sup> Ahmad bin Hanbal, *Bāqī Musnad al-Mukthirin*, *Bāqī al-Musnad al-Sābiq*, no. hadith 14623. Ibn Hajar mengatakan hadith ini diriwayatkan oleh perawi-perawi yang *thiqah* semuanya kecuali Mujāhid seorang yang *da'if*. Hadith ini adalah Hasan menurut al-Albāni dan Sufyān al-Thawrī, kerana jalan riwayatnya yang banyak. Ibn Hajar (1997), *op.cit.*, 13 : 408.

لَا تَسْأَلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ، فَإِنَّهُمْ لَنْ يَهْدُوكُمْ، وَقَدْ أَخْلَوْا أَنفُسَهُمْ فَتَكْذِبُونَا  
بِحَقٍّ أَوْ تُصَدِّقُونَا بِبَاطِلٍ<sup>131</sup>.

Makudnya : *Janganlah kamu bertanya kepada Ahli Kitab, sesungguhnya mereka tidak sekali-kali menunjukkan kebenaran, sesungguhnya mereka telah menyesatkan diri mereka, dan kamu mendustai kebenaran atau membenarkan sesuatu yang dusta.*

#### **h. Rasulullah mengusir kaum Yahudi**

Rasulullah s.a.w. sendiri telah mengusir kaum Yahudi yang kufur dan ingkar seperti Khaybar yang menduduki Madinah ketika itu dan mewasiatkan agar diusir Yahudi selepas kewafatannya. Hal yang sama juga dilakukan oleh ‘Umar al-Khaṭṭāb yang telah mengusir orang-orang musyrik dan kufur ini dari Semenanjung Tanah Arab<sup>132</sup>. Ini menunjukkan kehadiran dan kewujudan mereka di kalangan umat Islam di Semenanjung Tanah Arab amat merbahaya dan merosakkan akidah umat Islam.

#### **i. Pentahrifan Taurat dan Injil**

Sikap golongan Ahli Kitab Yahudi dan Nasrani yang mengubah dan meminda serta menyembunyikan fakta sebenar yang terkandung dalam kitab asal Zabur, Taurat dan Injil, merupakan golongan yang tidak *thiqah*. Hal yang demikian bertepatan dengan firman Allah:

<sup>131</sup> Ibn Hajar (1997), *op.cit.*, 5:358.

<sup>132</sup> Ibn Hajar (1997), *op.cit.*, 12 : 397.

وَيَمِنَ الَّذِينَ هَادُوا سَمَّاعُونَ لِلْكَذِبِ سَمَّاعُونَ لِقَوْمٍ مَاخِرِينَ لَمْ  
يَأْتُوكُمْ بِمُخْرِفُونَ الْكَلِمَةُ مِنْ يَعْدِ مَوَاضِعِهِ

Surah al-Mâ'idah (5) : 41

Terjemahannya : Demikian juga dari orang-orang Yahudi, mereka orang-orang yang sangat suka mendengar berita-berita dusta; mereka sangat suka mendengar perkataan golongan lain (pendeta-pendeta Yahudi) yang tidak pernah datang menemuimu; mereka ini mengubah serta meminda perkataan-perkataan (dalam kitab Taurat) itu dari tempat-tempatnya yang sebenar.

j. **Kaum Yahudi gemar mengadakan cerita dongeng dan khurafat.**

Mereka juga merupakan kaum yang dikenali suka mengada-adakan cerita dongeng dan khurafat. Hati mereka keras dan tidak mahu menerima kebenaran. Hal yang demikian dinyatakan sendiri oleh Allah dalam firman-Nya:

فِيمَا نَقْضَيْمِ مِشَقَّهُمْ لَعْنَهُمْ وَجَعَلْنَا قُلُوبَهُمْ قَسِيَّةً مُخْرِفُونَ الْكَلِمَةَ عَنْ

مَوَاضِعِهِ وَنَسُوا حَظًا مِمَّا ذَكَرْنَا بِهِ

Surah al-Mâ'idah (5) : 13

Terjemahannya : Maka dengan sebab mereka mencabuli perjanjian setia mereka, Kami melaknat mereka, dan Kami menjadikan hati mereka keras membatu (tidak mahu menerima kebenaran). Mereka sentiasa mengubah kalimah-kalimah (yang ada di dalam kitab Taurat dengan menyeleweng) dari tempat-tempatnya (dan maksudnya) yang sebenar, dan mereka melupakan (meninggalkan) sebahagian dari apa yang diperingatkan mereka dengannya.

mata untuk merosakkan agama Islam. Mereka juga beranggapan tambahan yang dikemukakan oleh Ahli Kitab untuk menerangkan fakta sahih adalah tidak penting dan tidak membawa sebarang faedah. Ini adalah kerana andainya ia berfaedah sudah pasti dinyatakan oleh Allah dan Rasul-Nya. Justeru, mereka merasakan maklumat sebegini tidak perlu, walaupun sekadar hiburan atau maklumat biasa.

### 1.6.2 Hujah-Hujah Membenarkan

Manakala mereka yang berpendapat riwayat Israiliyyat boleh dinukil dan diterima mempunyai hujah dan dalil mereka tersendiri. Namun penerimaan mereka bukan secara total, malah ada syarat-syarat yang wajar diikuti untuk membolehkan menukil riwayat Israiliyyat. Antara hujah mereka ialah:

a. Al-Qur'an membenarkan bertanya Ahli Kitab.

Mereka mengatakan ayat Al-Qur'an membenarkan umat Islam bertanya Ahli Kitab jika mereka kurang pasti tentang apa yang Allah turun kepada mereka. Mereka berpegang dengan ayat Al-Qur'an:

فَإِنْ كُنْتَ فِي شَكٍّ مِّمَّا أَنزَلْنَا إِلَيْكَ فَسُئِلُ الَّذِينَ يَقْرَءُونَ الْكِتَابَ مِنْ

قَبْلِكَ لَقَدْ جَاءَكَ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ فَلَا تَكُونَ مِنَ الْمُمْتَنَينَ (٣)

Surah Yūnus (10) : 94.

Terjemahannya : *Oleh sebab itu, sekiranya engkau (wahai Muhammad) merasa ragu-ragu tentang apa yang Kami turunkan kepadamu, bertanyalah kepada orang-orang yang membaca kitab-kitab yang diturunkan dahulu daripadamu (kerana mereka mengetahui kebenarannya). Sesungguhnya*

*telah datang kepadamu kebenaran dari Tuhanmu, jangan sekali-kali engkau menjadi dari golongan yang ragu-ragu.*

Allah berfirman:

﴿كُلُّ الْطَّعَامِ كَانَ حَلًّا لِّيَتَنِي إِسْرَائِيلُ إِلَّا مَا حَرَمَ إِسْرَائِيلُ عَلَى نَفْسِهِ مِنْ قَبْلِ أَنْ تُنَزَّلَ الْتَّوْرِينَةُ فَلَمْ يَأْتُوا بِالْتَّوْرِينَةِ فَأَنْتُمْ هُنَّ صَدِيقِينَ ﴾  
Surah 'Al 'Imrān (3) : 93.

Terjemahannya : Segala jenis makanan dahulunya adalah halal bagi Bani Israil, kecuali makanan yang diharamkan oleh Israil (Nabi Ya'qūb) kepada dirinya sendiri sebelum diturunkan kitab Taurat. Katakanlah (wahai Muhammad): "(Jika ada makanan yang diharamkan kepada kamu - wahai Bani Israil - sebelum kitab Taurat diturunkan) bawalah kamu kitab Taurat itu kemudian bacalah akan dia, kalau betul kamu orang-orang yang benar.

Mereka juga memahami dari kandungan ayat ini, Allah telah menyuruh Rasulullah s.a.w. bertanya kepada Bani Israil tentang pengharaman makanan yang mereka dakwa Allah haramkan di dalam kitab Taurat sedangkan mereka sendiri yang mengharamkannya untuk diri mereka. Ini menunjukkan, tidak salah bersoal jawab dan bertanya dengan Bani Israil untuk mencari kebenaran dan kepastian manakah yang benar dan membuktikan kebenaran tersebut<sup>134</sup>.

#### b. Rasulullah mengizinkan mendengar khabar mereka.

Nabi s.a.w. juga pernah mendengar sebahagian orang Yahudi membaca Taurat, sebagaimana kisah dalam hadith riwayat Ibn Mas'ūd r.a., katanya:

<sup>134</sup> Al-Tabarī (1997), *op.cit.*, 3 : 352.

إِنَّ اللَّهَ عَزُّ وَجَلُّ ابْتَعَثَ نَبِيًّا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِإِذْخَالِ رَجُلٍ إِلَى الْجَنَّةِ فَدَخَلَ الْكَيْسَنَةَ فَإِذَا هُوَ يَهُودِيٌّ فَقَرَأَ عَلَيْهِمُ التُّورَةَ فَلَمَّا أَتَوْا عَلَى صِفَةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمْسَكُوا وَقِيَ تَحْيَيْتَهَا رَجُلٌ مَرِيضٌ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا لَكُمْ أَمْسَكْتُمْ قَلْ الْمَرِيضُ إِنَّهُمْ أَتَوْا عَلَى صِفَةِ نَبِيٍّ فَأَمْسَكُوا ثُمَّ جَاءَ الْمَرِيضُ يَحْبُّ حَتَّى أَخْدَى التُّورَةَ فَقَرَأَ حَتَّى أَتَى عَلَى صِفَةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَمْبَيْهِ فَقَالَ هَذِهِ صِفَتُكَ وَصِفَةُ أُمِّكَ أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّكَ رَسُولُ اللَّهِ ثُمَّ مَاتَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأَصْحَابِهِ لَوْا أَخَاهُمْ<sup>135</sup>

Maksudnya: Allah telah mengutus Nabi-Nya untuk memasukkan seseorang ke dalam Syurga. Lalu Nabi masuk ke dalam gereja, ada seorang Yahudi sedang membacakan kitab Taurat kepada mereka. Ketika bacaan itu sampai kepada keterangan mengenai sifat-sifat Nabi s.'a.w., tiba-tiba mereka semuanya diam. Di kalangan mereka ada seorang yang sakit, lalu Nabi bertanya kepada mereka : "Kenapa kamu semua berhenti ?" Orang yang sakit itu menjawab : "Mereka telah sampai pada keterangan yang menjelaskan sifat Nabi, sebab itu mereka diam." Lalu orang yang sakit itu merangkak untuk mengambil kitab Taurat, kemudian membacanya sampai kepada bahagian yang menjelaskan sifat Nabi s.'a.w. dan umatnya. Orang yang sakit itu berkata : "Ini adalah sifat tuan dan umat tuan, dan aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan aku bersaksi bahawa tuan adalah utusan-Nya." Kemudian orang Yahudi yang sakit itu meninggal dunia. Nabi berkata kepada Sahabatnya : Hulurlah persaudaraan dengan saudara kamu ini.

Sebelumnya hadith ini, Rasulullah s.'a.w. telah melarang Sahabat dan umat Islam mengambil dan meneliti kitab-kitab penganut Yahudi dan Nasrani. Kemudian Rasulullah s.'a.w. mengharuskannya mendengar khabar mereka yang lalu, kerana banyak peristiwa yang berlaku terhadap kaum mereka yang terdahulu agar diambil iktibar. Keizinan ini adalah peringkat harus bukan wajib. Imam

<sup>135</sup> Ahmad bin Hanbal, *Musnad al-Mukthirin min al-Sahābah*, *Musnad 'Abd Allāh ibn Mas'ūd*, no. hadith 3755.

Mālik mengatakan harus mendengar berita mereka yang benar sahaja adapun jika diketahui dusta atau tidak pasti, tidak diharuskan<sup>136</sup>. Sebagaimana hadith riwayat ‘Abd Allāh bin ‘Amr bin al-‘Āṣ, Nabi bersabda :

بَلَّغُوا عَنِي وَلَوْ آتَيْهُ وَحَدُّثُوا عَنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَا حَرَجٌ، وَمَنْ كَذَّبَ عَلَيَّ  
مُعْمَدًا فَلَيَبْتُوأَ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ<sup>137</sup>

Maksudnya : Sampaikan apa yang diperoleh dariku walaupun satu ayat, dan perkatakanlah apa yang kamu peroleh dari Bani Israel tanpa halangan, sesiapa yang melakukan pendustaan ke atasku secara sengaja, tempatnya adalah di dalam neraka.

c. Al-Qur'an menyebut kesaksian Ahli Kitab Muslim.

Allah juga menyebut bahawa Ahli Kitab boleh menjadi saksi kerasulan Nabi Muhammad yang dipertikaikan oleh orang-orang kafir. Ini menunjukkan Allah tidak melarang menerima kesaksian Ahli Kitab yang benar. Ayat tersebut ialah sebagaimana firman Allah:

وَقُولُ الظَّالِمِينَ كَفَرُوا لَتَشَتَّ مُرْسَلًا قُلْ كَفَنِي بِاللَّهِ شَهِيدًا بَنِي وَبَنِتِكُمْ  
وَمَنْ عِنْدَهُ عِلْمٌ أَكْتَبِ ﴿١٣﴾  
Surah al-Rā‘d (13) : 43.

Terjemahannya : Dan orang-orang yang kafir itu berkata: "Engkau bukanlah seorang Rasul dari Allah". Katakanlah (kepada mereka): "Cukuplah Allah menjadi saksi antaraku dengan kamu, dan juga disaksikan oleh orang-orang yang ada ilmu pengetahuan mengenai Kitab Allah".

<sup>136</sup> Ibn Ḥajar (1997), *op.cit.*, 6 : 609.

<sup>137</sup> Al-Bukhārī, Kitab *Aḥādīth al-Anbiyā'*, Bab *Mā Dhakara 'an Bani Isrā'īl*, no. hadith 3461.

‘Abd Allāh bin Salām seorang Ahli Kitab telah disebut khusus oleh Allah sebagai saksi kebenaran Al-Qur'an, menunjukkan harus meriwayatkan daripada Ahli Kitab yang *thiqah* dan diakui jujur. Firman Allah:

فُلَّ أَرْهَبَتْهُ إِنْ كَانَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَكَفَرُتْمُ بِهِ وَشَهَدَ شَاهِدٌ مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ  
عَلَىٰ مِثْلِهِ فَقَاتَمَ وَأَسْتَكْرِمَ  
Surah al-Alqāf (46) : 10.

Terjemahannya : Katakanlah lagi: "Bagaimana fikiran kamu jika Al-Quran ini (yang datang) dari Allah dan kamu mengingkarinya, pada hal ada seorang saksi dari Bani Israil memberi keterangan mengakui (sahnya kitab) yang sama seperti Al-Quran ini, lalu ia percaya (Al-Quran ini dari Allah), sedang kamu dengan sombang angkuh mengingkarinya?

#### d. Para Sahabat pernah bertanya kepada Ahli Kitab Muslim.

Para Sahabat juga pernah merujuk beberapa persoalan kepada Ahli Kitab Muslim. Mereka bertanya tentang isi kandungan Taurat seperti Abū Hurayrah, Ibn ‘Abbās, Ibn Mas‘ūd dan lainnya. Buktinya, ‘Abd Allāh bin ‘Amr pernah berjumpa dua orang Sahabat dari kalangan Ahli Kitab pada masa peperangan Yarmuk dan beliau meriwayatkan hadith dari kedua-duanya<sup>138</sup>.

Melalui hujah dan dalil yang dikemukakan, kajian ini melihat pendapat yang membenarkan menukil riwayat berunsur Israiliyyat mempunyai tujuan dan sebab tertentu. Antaranya untuk menjaga agama dari sebarang penyelewengan, membetulkan kesilapan yang dilakukan dan ditimbulkan oleh mereka yang

<sup>138</sup> Ahmad bin ‘Abd al-Halīm bin ‘Abd al-Salām bin ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin al-Khidīr bin ‘Alī bin ‘Abd Allāh bin Taymiyyah (t.t.), *Muqaddimah Ibn Taymiyyah fi Uṣūl al-Tafsīr*. Damsyik: Al-Taraqqi, h. 26.

meragukan kandungan Al-Qur'an serta menguatkan hujah kerasulan. Mereka juga menerima riwayat berunsur Israiliyyat daripada Ahli Kitab dengan syarat ia tidak bercanggah dengan fakta agama dan dari kalangan mereka yang *thiqah* dan jujur. Mereka menganggap menukilkan riwayat Israiliyyat yang tidak bercanggah dengan syarak adalah tidak menjadi kesalahan dan dibenarkan.

### **1.6.3 Kompromi Perbezaan Pendapat**

Penulis melihat dalil-dalil dan hujah kedua-dua pendapat yang zahirnya nampak berbeza wajar ditangani dan difahami dengan sebaiknya agar tidak timbul kekeliruan kepada masyarakat umumnya. Berdasarkan dua keadaan ini, penulis telah membuat ketetapan dengan alasan-alasan konkrit untuk dipegang dan boleh dijadikan panduan berguna bagi mereka yang hendak merujuk ketika berhadapan dengan riwayat-riwayat yang berunsur Israiliyyat, iaitu:

a. **Kebenaran bertujuan perbandingan.**

Al-Qur'an sendiri banyak menceritakan tentang kisah-kisah Bani Israil dan umat-umat lain terdahulu sebagaimana yang dapat dikumpulkan antaranya dalam surah-surah al-Baqarah ayat 67-73, al-Mā'idah ayat 20-31, 112-115, al-Burūj ayat 4, Yūsuf, Maryam dan banyak lagi. Ini menunjukkan bahawa umat Islam digalakkan agar meneliti cerita-cerita dan kisah umat terdahulu serta perjalanan mereka sebagai peringatan dan penambahan ilmu serta perbandingan.

Kisah-kisah yang dipaparkan tidak lain sebagai iktibar dan pengajaran kepada umat Islam. Ia juga untuk memperlihatkan keagungan Allah dan kekuasaan-Nya yang tidak terbatas. Firman Allah:

﴿قَدْ مَكَرَ الظَّالِمُونَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَأَنَّ اللَّهَ بُيْتَهُمْ مِنْ أَنْقَاعِ الْقَوَاعِدِ فَخَرَّ

﴿عَلَيْهِمُ السَّقْفُ مِنْ فَوْقِهِمْ وَأَتَاهُمُ الْعَذَابُ مِنْ حَيْثُ لَا يَشْعُرُونَ ﴾

Surah al-Nahl 16: 26

Terjemahan: *Sebenarnya orang-orang yang terdahulu dari mereka telah menjalankan rancangan jahat (terhadap agama Allah dan rasul-rasul-Nya); maka Allah binasakan bangunan (rancangan jahat) mereka dari asas-asasnya, lalu bumbung (bangunan itu) jatuh menimpa ke atas mereka, dan mereka pun didatangi azab kebinasaan dari arah yang mereka tidak menyadarinya.*

Melalui pendedahan ini umat Islam boleh membuat perbandingan dan dasar kepada pegangan mereka. Umat Islam boleh merujuk kepada Ahli Kitab, dengan syarat, mereka masih berpegang dengan ajaran asal kitab Taurat, Zabur atau Injil untuk mengetahui cerita yang sebenar dan tidak bertentangan dengan kandungan Al-Qur'an. Dengan yang demikian, umat Islam dapat membandingkan antara cerita yang terdapat dalam Al-Qur'an dengan cerita yang dibawa oleh Ahli Kitab. Jika didapati ia bertentangan dengan syarak, wajar diperbetul segera agar masyarakat Islam lain tidak terus keliru. Atas dasar itulah Allah membenarkan Nabi dan Sahabat bertanyakan Ahli Kitab tentang kandungan kitab-kitab mereka sebagaimana firman-Nya:

فَإِنْ كُنْتَ فِي شَكٍّ مِمَّا أَنْزَلَنَا إِلَيْكَ فَتَمَّلِّئُ الْبَيْتَ يَقْرُءُونَ الْكِتَابَ مِنْ

قَبْلِكَ لَقَدْ جَاءَكَ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ فَلَا تَكُونَ مِنَ الْمُمْتَنَينَ

Terjemahannya: *Oleh sebab itu, sekiranya engkau (wahai Muhammad) merasa ragu-ragu tentang apa yang Kami turukan kepadamu, maka bertanyalah kepada orang-orang yang membaca kitab-kitab yang diturunkan dahulu daripadamu (kerana mereka mengetahui kebenarannya). Sesungguhnya telah datang kepadamu kebenaran dari Tuhanmu, maka jangan sekali-kali engkau menjadi dari golongan yang ragu-ragu.*

**b. Islam agama dakwah.**

Islam adalah agama dakwah yang sentiasa mengajak manusia beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Berkomunikasi dengan Ahli Kitab adalah bertujuan agar mereka menerima hakikat perutusan Nabi dan Allah adalah Tuhan yang sama dengan Tuhan nabi-nabi mereka sebelumnya, sebagaimana firman Allah lagi:

وَسْأَلُنَّ مِنْ أَرْسَلْنَا مِنْ قَتِيلَكَ مِنْ رُسُلِنَا أَجَعَلْنَا مِنْ دُونِ آرْرَحْمَنِ إِلَهَةً يُعْبُدُونَ



Surah al-Zukhruf (43) : 45.

Terjemahannya : *Dan bertanyalah kepada umat mana-mana Rasul yang Kami telah utuskan sebelumnya; pernahkah Kami memberi hukum menetapkan sebarang Tuhan untuk disembah, selain dari Allah Yang Maha Pemurah.*

Allah meminta Nabi memberi amaran kepada mereka agar tidak menyembunyikan ayat-ayat di dalam kitab mereka yang menerangkan sifat-sifat Nabi Muhammad agar mereka tidak akan ditimpa bencana sebagaimana kaum mereka yang terdahulu. Sebagai contohnya, kisah penduduk sebuah kampung bernama Aylah yang terletak di pinggir pantai al-Qalzam. Menurut riwayat Muhammed bin Ishāq daripada Dāwūd bin al-Ḥuṣayn daripada ‘Ikrimah daripada

Ibn ‘Abbās yang menjelaskan bahawa kampung yang dimaksudkan dalam ayat 163 surah al-A‘rāf ialah yang terletak antara Madyan dan Tūr. Menurut riwayat lain juga riwayat Ibn ‘Abbās, ia adalah Madyan itu sendiri<sup>139</sup>. Sebagaimana firman Allah:

وَتَنَاهُمْ عَنِ الْقَرْيَةِ الَّتِي كَانَتْ حَاضِرَةً الْبَخْرِ إِذْ يَعْدُونَ فِي السَّبْتِ إِذْ تَأْتِهِمْ حِيتَانُهُمْ يَوْمَ سَبْتِهِمْ شُرُعًا وَيَوْمَ لَا يَسْتَوْنَ لَا تَأْتِهِمْ  
Surah al-A‘rāf (7) : 163.

Terjemahannya : *Dan bertanyalah kepada mereka (wahai Muhammad) mengenai (penduduk) bandar yang terletak di tepi laut, semasa mereka melanggar larangan pada hari Sabtu, ketika datang kepada mereka pada hari Sabtu itu ikan-ikan (yang menjadi cubaan kepada) mereka, yang kelihatan timbul di muka air; sedang pada hari-hari lain, ikan-ikan itu tidak pula datang kepada mereka.*

#### c. Menambahkan keyakinan dan keimanan.

Keyakinan dan keimanan orang Islam wajar diperteguh dari masa ke semasa. Allah pernah menyuruh Rasulullah s.‘a.w. dan umat Islam bertanyakan pengikut agama Yahudi dan Nasrani tentang rasul-rasul sebelum ini, sama ada mereka dari kalangan malaikat atau manusia. Ini bertujuan menambahkan keyakinan tentang nikmat Allah yang mengutus para rasul dari kalangan manusia agar selari dengan kehendak dan penyampaian kepada seluruh manusia<sup>140</sup>. Hal yang demikian membuktikan kebenaran Allah sebagaimana kandungan ayat:

<sup>139</sup> Ibid., 2:342.

<sup>140</sup> Ibn Kathir (1998), op.cit., 3: 234.

وَمَا أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِي إِلَيْهِمْ فَنَتَّلُوا أَهْلَ الْدِّيْنِ كَمْ إِنْ كُنْتَ لَأَ  
تَعْلَمُونَ ﴿٢﴾

Surah al-Anbiyā' (21) : 7

Terjemahannya : *Dan Kami tidak mengutus Rasul-rasul sebelummu (wâhai Muhammad) melainkan orang-orang lelaki yang Kami wahyukan kepada mereka (bukan malaikat); maka bertanyalah kamu kepada "Ahl al-Dhikr" jika kamu tidak mengetahui.*

Pertanyaan kepada kaum Yahudi atau Ahli Kitab adalah bertujuan untuk menambahkan keyakinan dan lebih jelas kebenaran terhadap wahyu Allah dan perutusan Nabi Muhammad<sup>141</sup>. Sebagai contohnya, al-İ Hasan al-Başrî telah mentakwilkan ayat Al-Qur'an di mana Allah menyuruh Nabi Muhammad bertanyakan Bani Israil tentang perutusan Nabi Mûsâ yang terdapat dalam Al-Qur'an bagi membuktikan kebenaran kerasulan Nabi Muhammad s.'a.w., sebagaimana firman Allah:

وَلَقَدْ هَاتَنَا مُوسَى تَنْعِيَةً إِذْ يَسْتَأْتِي إِسْرَائِيلَ إِذْ جَاءَهُمْ فَقَالَ  
لَهُمْ فَرْعَوْنُ إِنِّي لِأُطْلِكَ بِنُمُوسَى مَسْحُورًا ﴿١﴾

Surah al-Isrâ' (17) : 101.

Terjemahannya : *Dan sesungguhnya Kami telah memberi kepada Nabi Mûsâ sembilan mukjizat yang jelas nyata (membuktikan kebenarannya); maka bertanyalah (wahai Muhammad) kepada Bani Israil (tentang itu): Ketika Nabi Musa datang kepada Firaun dan kaumnya (serta menunjukkan mukjizatnya), lalu berkatalah Firaun kepadanya: "Sesungguhnya aku fikir, engkau ini wahai Musa, seorang yang terkena sihir"*

<sup>141</sup> Al-Tabârî (1997), *op.cit.*, 8 : 157.

#### d. Menangani penyelewengan.

Penulis juga berpendapat penyelewengan yang dilakukan oleh Bani Israil wajar ditangani dengan segera. Mereka adalah golongan yang terkenal dengan sifat suka mengubah kandungan kitab yang diturunkan kepada mereka dan mengingkari perintah Allah. Mereka menyembunyikan kebenaran dan menyebarkan riwayat serta cerita dusta di kalangan umat Islam. Sumber Islam adalah antara sasaran mereka yang utama.

Justeru, tujuan dibolehkan bertanya kepada Bani Israil adalah untuk mendiamkan mereka dari terus bersuara lantang menentang Rasulullah s. 'a.w. dan umat Islam serta menyedarkan mereka bahawa mereka telah sesat dan melakukan kesalahan terhadap Allah dan Rasul-Nya. Selaras juga dengan pendapat Ibn Jarir al-Tabarī iaitu ia juga bertujuan agar semua mereka yang berpegang dengan kitab Taurat dari penganut agama Yahudi semuanya memeluk agama Islam serta meninggalkan segala kesesatan dan kufur dengan beriman kepada Allah dan Rasul-Nya<sup>142</sup>. Firman Allah:

سَلَّنَ بَنِي إِسْرَائِيلَ كُمْ أَتَيْنَاهُم مِّنْ آيَةٍ يُبَيِّنُونَ وَمَنْ يُبَدِّلْنَ يَعْمَلَ اللَّهُ مِنْ بَعْدِ مَا  
جَاءَهُ فَإِنَّ اللَّهَ شَرِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾  
Surah al-Baqarah (2) : 211.

Terjemahannya : *Bertanyalah kepada Bani Israil, berapa banyak keterangan-keterangan yang telah Kami berikan kepada mereka (sedang mereka masih ingkar)? dan sesiapa menukar nikmat keterangan Allah (dengan mengambil kekufturan sebagai gantinya) sesudah nikmat itu sampai kepada-Nya, maka*

<sup>142</sup>Ibid., 2 : 344 dan 345.

(hendaklah ia mengetahui) sesungguhnya Allah amat berat azab siksa-Nya.

Mengetahui cerita umat terdahulu adalah faedah yang besar kepada orang-orang yang berakal, menjelaskan kepaluan dan menceritakan hanya yang benar. Menjadi pertunjuk ke jalan yang benar dan mengeluarkan manusia dari kesesatan, membersihkan Allah dari segala sifat yang menyerupai makhluk dan meletakkan fakta sebenar pada tempatnya<sup>143</sup>, selaras dengan firman Allah:

لَقَدْ كَاتَ فِي قَصْصِهِمْ عِبَرَةً لِأُولَئِكَ الْأَلْتَبِ مَا كَاتَ حَدِيثًا يُفْتَنُونَ  
وَلَكِنْ تَضْرِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ  
يُؤْمِنُونَ ﴿١١﴾

Surah Yūsuf (12) : 111.

Terjemahannya : Demi sesungguhnya, kisah nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah nabi-nabi yang terkandung dalam Al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman.

Adalah menjadi tanggungjawab umat Islam membetulkan kesilapan yang berlaku serta membongkar perbuatan mereka yang tidak bertanggungjawab. Hal yang demikian kerana Allah juga pernah meminta Nabi s. a. w. agar menanyakan golongan Yahudi tentang kaum mereka yang telah menderhaka Allah dengan menyalahi perintah Allah dan bagaimana Allah mendatangkan bala bencana ke

<sup>143</sup> Ibn Kathir (1998), op.cit., 2 : 655.

atas mereka secara tiba-tiba. Mereka juga melampaui batas dan membuat berbagai-bagai alasan kerana keingkaran dan kesombongan mereka.

e. Sekadar maklumat sejarah.

Cerita-cerita yang tidak diketahui kebenarannya adalah sekadar maklumat sejarah hendaklah mengambil sikap berdiam diri dan tidak mengeluarkan sebarang kenyataan tentangnya. Contohnya, kisah 3 orang Bani Israil seorang terkena penyakit sopak, seorang botak dan seorang lagi buta<sup>144</sup>.

Nabi juga menceritakan kisah Bani Israil dari umat terdahulu, contohnya, kisah Jurayj seorang lelaki Bani Israil yang kuat beribadat dengan kisah bayi yang menjadi saksi kepadanya dari tuduhan zina. Bayi tersebut antara 3 orang bayi yang boleh bercakap, iaitu Nabi ‘Isā ‘a.s., bayi kepada wanita pelacur yang mana bayi itu yang menyelamatkan Jurayj dari tuduhan zina dan anak lelaki seorang wanita Bani Israil<sup>145</sup>.

Berdasarkan tindakan Nabi s.‘a.w. mendengar dan membawa cerita-cerita umat terdahulu adalah untuk menunjukkan kebenaran dan kebesaran Allah kepada umat Islam. Malahan fakta dan cerita yang dibawa oleh Baginda s.‘a.w. tidak memperlihatkan unsur-unsur yang bertentangan yang boleh dipertikaikan.

<sup>144</sup> Hadith ini diceritakan oleh Abū Hurayrah. Al-Bukhārī, Kitab *Aḥādīth al-Anbiyā'*, Bab *Hadīth Abrās wa A'mā wa Aqra' fī Bani Isrā'il*, no. hadith 3464; Ibn Hajar (1997), *op.cit.*, 6 : 612-615; Muslim, Kitab *al-Zuhd wa al-Raqā'iq*, Bab *al-Dunya Sijn al-Mu'min...* no. hadith 5265.

<sup>145</sup> Al-Bukhārī, Kitab *Aḥādīth al-Anbiyā'*, Bab *wa Udhkur fī al-Kitāb Maryam...* no. hadith 3436. Ibn Hajar (1997), *op.cit.*, 6 : 581.

Rumusannya, umat Islam tidak dilarang mendengar cerita atau mendapatkan maklumat berunsur Israiliyyat dengan syarat cerita-cerita itu berada dalam kategori *maqbūl* atau *maskūt*. Umat Islam dilarang mengambil cerita yang *mardūd* berdasarkan hujah tegahan yang dikemukakan sebelum ini. Kebenaran juga mempunyai syarat iaitu untuk tujuan perbandingan, melalui Ahli Kitab yang dipercayai, tidak menjatuhkan '*ismah*' para nabi dan rasul, membetulkan penyelewengan, dakwah dan sebagainya.

#### 1.6.4 Sikap Terhadap Riwayat Israiliyyat

Setelah membicarakan pendekatan kajian terhadap hujah yang dikemukakan, penulis merumuskan di sini bahawa orang-orang Islam yang mendapat maklumat daripada Ahli Kitab atau ingin merujuk kepada mereka boleh melakukannya dengan syarat-syarat berikut, antaranya:

- a. Mengambil sikap tidak menerima secara mutlak.
- b. Wajar membuat pilihan dan tidak dalam semua perkara.
- c. Tidak fakta yang jelas diseleweng dan diubah oleh mereka yang terlibat tanpa dalil dan hujah yang kukuh selaras dengan Al-Qur'an dan hadith Rasulullah s. 'a.w..
- d. Jika jelas bertentangan dan menyeleweng wajib disanggah dengan hujah yang yakin dan kukuh.
- e. Tidak mengubah ajaran Islam dengan kebenaran riwayat Israiliyyat.
- f. Ia sebagai iktibar dan panduan serta peringatan.

- g. Hendaklah beringat-ingat agar tidak hilang keyakinan dan kepercayaan kepada Allah dan Rasul-Nya.
- h. Ia tidak berlawanan dengan akal yang sihat dan waras<sup>146</sup>.

Apa yang pasti ialah segala berita, kisah, maklumat yang diceritakan dalam Al-Qur'an dan hadith *Sahih* adalah benar dan tepat untuk pengajaran, peringatan, pembetulan terhadap penyelewengan, oleh musuh Islam yang mempunyai niat tersendiri, menyelamatkan manusia dari kesesatan, menyedarkan penganut lain serta menunjukkan kebesaran Allah.

## 1.7 Penilaian Riwayat Israiliyyat

Hasil penelitian terhadap pandangan dan fahaman di atas berdasarkan hujah dan dalil menangani riwayat Israiliyyat, kajian ini mendapati riwayat Israiliyyat boleh dinilai dalam tiga aspek utama: Kesahihan riwayat, ketepatan fakta dengan syarak dan skop bidang riwayat. Ketiga-tiga aspek penilaian ini saling merangkumi yang membawa kepada pengklasan riwayat Israiliyyat menurut metodologi hadith, iaitu: *Maqbūl*, *mardūd* dan *maskūt*.

### 1.7.1 *Maqbūl*

*Maqbūl* membawa erti diterima dan selaras dengan syarak. Ia adalah *sahīh* kerana menepati syarat kaedah periyatan hadith yang tidak bertentangan dengan syarak. Sebagai contohnya riwayat yang *sahīh* ialah cerita tentang sifat-

<sup>146</sup> Al-Dhahabi (1985), *op.cit.*, h. 63, 64 dan 65.

sifat Nabi s. a.w. di dalam kitab Taurat sama dengan sifat-sifat Baginda di dalam Al-Qur'an. Sebagaimana yang diceritakan oleh Ibn Kathir dan Ibn Jarir al-Tabari dalam tafsir mereka bahawa 'Atā' bin Yāsar telah menemui 'Abd Allāh bin 'Amrū dan meminta kepada beliau agar menceritakan sifat-sifat Nabi yang terdapat dalam kitab Taurat. Lalu 'Abd Allāh bin 'Amrū menjawab : *Sudah pasti, demi Allah sifat-sifat Nabi yang terdapat dalam Taurat sama dengan yang terdapat dalam Al-Qur'an.* Allah berfirman di dalam Taurat iaitu, terjemahannya : *Wahai Nabi, sesungguhnya Kami telah utuskan kamu sebagai saksi, pembawa berita gembira dan pemberi peringatan juga penjaga kepada kaum yang buta huruf (ummi), engkau adalah hamba-Ku juga Rasul-Ku, namamu yang dikagumi, tidak kasar dan tidak keras, Allah tidak akan sekali-kali mencabut nyawanya sehingga agama Islam tegak dan lurus iaitu dengan ucapan: Tiada Tuhan selain Allah, dengannya Allah akan bukakan hati-hati yang tertutup, telinga-telinga yang pekak dan mata-mata yang buta.* 'Atā' bin Yāsar juga menanyakan soalan yang sama kepada Ka'ab al-Aḥbār, jawapan yang diberikan oleh Ka'ab sama dengan jawapan 'Abd Allāh bin 'Amrū itu, melainkan Ka'ab mengatakan : *Telah sampai kepadaku : Hati-hati yang tertutup, telinga-telinga yang pekak dan mata-mata yang buta*<sup>147</sup>.

Kehadiran Al-Qur'an adalah saksi kepada kehadiran kitab-kitab sebelumnya dan ia adalah pelengkap kepada kitab-kitab yang diturunkan oleh

<sup>147</sup>Al-Tabari (1997), *op.cit.*, 6 : 82, 83 dan 84; Ibn Kathir (1998), *op.cit.*, 1: 253; Al-Bukhārī, Kitab al-Buyū', Bab Karāhah al-Sakhb fi al-Aswāq, no. hadith 2125; Ibn Ḥajar (1997), *op.cit.*, 4 : 433; \_\_\_\_\_, Kitab Tafsir Al-Qur'an, Bab Yā Ayyuhā al-Nabiy..., no. hadith 4838; \_\_\_\_\_ (1997), *op.cit.*, 8 : 744. Di dalam Al-Qur'an ada menyebut akan kesaksian ini sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Bukhari ayat Al-Qur'an surah al-Ahzāb 33 : 45 dan al-Fath 48 : 8.

Allah sebelumnya. Justeru, membatalkan kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya. Oleh itu, sebarang maklumat, cerita-cerita serta perkhabaran di dalam kitab terdahulu yang selaras dengan kandungan Al-Qur'an, adalah benar dan boleh diterima<sup>148</sup>. Cerita atau riwayat berunsur Israiliyyat dalam kategori ini dikira *sahīh*, boleh diterima dan diriwayatkan tetapi perlu ada bukti dan dalil yang kuat dan meyakinkan.

Antara contoh lain ialah riwayat berkaitan dengan mentauhidkan Allah adalah agama semua Nabi dan Rasul. Bahagian ini disokong oleh sabda Rasulullah s. 'a.w.:

بَلْغُوا عَنِي وَلَوْ آتَيْتُهُ وَحَدُّثُوا عَنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَا حَرَجٌ، وَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ  
مُتَعَمِّدًا فَلَيَبْرُأُ مَقْعُدَهُ مِنَ النَّارِ<sup>149</sup>.

Maksudnya : *Sampaikan apa yang diperolehi dariku walaupun satu ayat, dan perkatakanlah apa yang kamu perolehi dari Bani Israel tanpa halangan, sesiapa yang melakukan pendustaan ke atasku secara sengaja, tempatnya adalah di dalam neraka.*

Sebelum hadith ini, Rasulullah s. 'a.w. melarang Sahabat dan umat Islam meriwayatkan cerita-cerita dari Bani Israel dan meneliti dahulu setiap apa yang ditulis oleh mereka<sup>150</sup>. Larangan ini bertujuan untuk membendung fitnah dan menjaga akidah umat Islam yang masih di peringkat permulaan Islam.

<sup>148</sup> Surah al-Mā'idah (5) : 48 dan 49.

<sup>149</sup> Al-Bukhārī, Kitab *Aḥādīth al-Anbiyā'*, Bab *Mā Dhakara 'an Bani Isrā'īl*, no. hadith 3202; Al-Tirmidhī, Kitab *al-'Ilm*, Bab *al-Hadīth 'an Bani Isrā'īl*, no. hadith 2593; Ahmad, *Musnad al-Mukthirin min al-Sahābah*, *Musnad 'Abd Allāh ibn 'Amrū*, no. hadith 6198; Al-Dārimī, Kitab *al-Muqaddimah*, Bab *al-Balāgh 'an Rasūl Allāh wa Ta'līm al-Sunan*, no. hadith 541.

<sup>150</sup> Abu Syahbah (1988), *op.cit.*, h.106.

Contoh lain antara riwayat berunsur Israiliyyat yang selari dengan syarak.

Sebagaimana hadith riwayat ‘Aṭā’ bin Yāsar daripada Abū Sa’id al-Khudrī, katanya bahawa Rasulullah s. ‘a.w. bersabda:

٤

تَكُونُ الْأَرْضُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ خَبِيرَةً وَاحِدَةً يَتَكَبَّرُهَا الْجَبَارُ يَبْلُو كَمَا يَكْنَأُ  
أَحَدُكُمْ خَبِيرَتَهُ فِي السَّفَرِ نُزُلًا لِأَهْلِ الْجَنَّةِ فَإِنَّ رَجُلًا مِنْ أَهْلِهِ وَقَالَ  
بَارَكَ الرَّحْمَنُ عَلَيْكَ يَا أَبَا الْقَاسِمِ أَأْخْبِرُكَ يَنْزُلُ أَهْلِ الْجَنَّةِ يَوْمَ  
الْقِيَامَةِ قَالَ بَلَى قَالَ تَكُونُ الْأَرْضُ خَبِيرَةً وَاحِدَةً كَمَا قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ  
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَنَظَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَيْنَا ثُمَّ ضَحِّكَ حَتَّى بَدَتْ  
نَوَاجِلُهُ.<sup>151</sup>

Maksudnya: *Bumi pada hari kiamat nanti menjadi segenggam roti. Allah memegangnya dengan kekuasaan-Nya sebagaimana seseorang menggenggam sebuku roti di dalam perjalananya, ia merupakan tempat bagi ahli Syurga. Kemudian datanglah seorang lelaki Yahudi dengan berkata : Semoga Allah memberkatimu wahai Abū al-Qāsim. Bolehkah aku ceritakan kepadamu tempat ahli Syurga pada hari Kiamat nanti? Rasul menjawab : Sudah tentu boleh. Kemudian lelaki Yahudi itu memberitahu bahwasanya bumi ini seperti segenggam roti sebagaimana yang dinyatakan oleh Nabi. Nabi memandang kepada kami semua, lalu ketawa sampai terlihat geraham giginya.*

Tindakan Rasulullah s. ‘a.w. ini menunjukkan cerita lelaki Yahudi itu tidak menyalahi agama dan boleh diterima. Andainya ia bertentangan dengan agama, nescaya Rasulullah s. ‘a.w. segera menolak.

Antara lain juga, hukum-hukum dan kaedah serta asas agama belum begitu mantap. Namun, selepas itu ada sedikit kelonggaran untuk mendengar cerita

<sup>151</sup> Al-Bukhārī, Kitab *al-Raqā’iq*, Bab *Yaqbīd Allāh al-Ard*, no. hadith 6520; Ibn Ḥajar (1997), *op.cit.*, 11:452.

Israiliyat dengan syarat tidak bertentangan dengan syarak untuk iktibar dan panduan. Dalam keadaan ini, Abū Hurayrah r. 'a. ada meriwayatkan, katanya: Ahli Kitab membacakan Taurat dalam bahasa Hebrew dan mentafsirkan dalam bahasa Arab kepada orang-orang Islam. Lantaran itu Nabi s. 'a.w. ada bersabda:

لَا تُصَدِّقُوا أهْلَ الْكِتَابَ وَلَا تُكَذِّبُوهُمْ وَقُولُوا آمَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أَنزَلَ إِلَيْنَا

---

Maksudnya : *Jangan kamu mempercayai Ahli Kitab dan jangan kamu mendustai mereka dan katakanlah : "Kami beriman dengan Allah dan dengan apa yang diturunkan kepada kami".*

Menurut pendapat Imam al-Syāfi'i (m. 204 H.), hadith Rasulullah s. 'a.w. ini menunjukkan hendaklah berhenti dari mencari permasalahan yang timbul dan tidak hanya terus berpegang dan meyakininya dengan sesuatu yang bersifat *zann*<sup>152</sup>. Ia juga membawa maksud mengingatkan umat Islam, walau benar sekalipun, tidak boleh terus berpegang sebagai dalil yang bersifat *qaṣīṣ* dan hendaklah berhati-hati, apatah lagi jika ia *dusta*, jika dibenarkan sesuatu yang bersifat *dusta*, adalah salah dan wajib dihindari.

### 1.7.2 *Mardūd*

Ia merujuk segala cerita dan kisah bersumberkan Bani Israil yang bertentangan dengan nas Al-Qur'an dan hadith *Ṣahīḥ*. Contohnya riwayat menceritakan tentang kisah para nabi, yang menjatuhkan maruah dan *'Ismah* para nabi.

---

<sup>152</sup> Al-Bukhārī, Kitab *al-Tafsīr*, Bab *Qūlū Āmannā...*, no. hadith 4485; Ibn Ḥajar (1997), *op.cit.*, 8 : 213 dan 214.

<sup>153</sup> *Ibid.*, 8 : 214.

Sebagai contohnya, diceritakan dalam kitab Taurat bahawa orang yang disembelih bukan Nabi Ismā‘īl ‘a.s. tetapi Nabi Iṣhāq ‘a.s.. Menyebut cerita begini adalah ditegah dan dilarang dan bagi mereka yang hendak menyebut hendaklah menyatakan pendustaan dan penyelewengan yang dilakukan oleh Bani Israil dan membetulkan fakta tersebut dengan yang sebenarnya. Hal yang demikian kerana terbukti mereka telah mengubah dan meminda kandungan kitab Taurat seperti hukum rejam dan diyat<sup>154</sup>. Sebagaimana firman Allah:

\* يَأَيُّهَا أَرْسُولُ لَا سَخْرُنَكَ الَّذِينَ يُسْرِعُونَ فِي الْكُفْرِ مِنَ الَّذِينَ قَاتَلُوا  
هَمَّا يَأْفُو هُبُمْ وَلَمْ تُؤْمِنْ قَلُوبُهُمْ وَمِنَ الَّذِينَ هَادُوا سَمَّاعُونَ  
لِكَذِبٍ سَمَّاعُونَ لِقَوْمٍ أَخْرِينَ لَمْ يَأْتُوكَ سَخِرُونَ الْكَلِمَةُ مِنْ بَعْدِ  
مَوَاضِعِهِ

Surah al-Mā’idah (5) : 41.

Terjemahan: *Wahai Rasulullah! Janganlah engkau menanggung dukacita disebabkan orang-orang yang segera menceburkan diri ke dalam kekufturan, iaitu dari orang-orang yang berkata dengan mulutnya : “Kami telah beriman”, padahal hatinya tidak beriman; demikian juga dari orang-orang Yahudi, mereka orang-orang yang sangat suka mendengar berita-berita dusta, mereka sangat suka (mendengar perkataan golongan lain (pendeta-pendeta Yahudi) yang tidak pernah datang menemuimu, mereka ini mengubah serta meminda perkataan-perkataan (dalam kitab Taurat) itu dari tempat-tempatnya yang sebenar.*

Nabi juga melarang Sahabat dan umat Islam meriwayatkan cerita dari Bani Israil berdasarkan hadith, daripada Ibn ‘Abbās, Nabi s. ‘a.w. bersabda:

<sup>154</sup> Ibn Hisyām (1994), *op.cit.*, 2: 178 dan 179.

يَا مَعْشِرَ الْمُسْلِمِينَ كَيْفَ سَأَلُونَ أهْلَ الْكِتَابِ وَكَتَابُكُمُ الَّذِي أُنْزِلَ عَلَىٰ  
 نَبِيِّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَخْدَثَ الْأَخْبَارَ بِاللَّهِ تَقْرُئُهُ لَمْ يُشَبِّهْ وَقَدْ  
 حَدَّكُمُ اللَّهُ أَنَّ أَهْلَ الْكِتَابِ بَدَّلُوا مَا كَتَبَ اللَّهُ وَغَيَّرُوا بِأَيْدِيهِمُ الْكِتَابَ  
 فَقَالُوا هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لَيَسْتُرُوا يَهُوَ ئَمَّا قَبْلَهُ أَفَلَا يَتَهَاجَّهُمْ مِنْ  
 الْجِلْمِ عَنْ مُسَاءَتِهِمْ وَلَا وَاللَّهِ مَا رَأَيْنَا مِنْهُمْ رَجُلًا قَطُّ يَسْأَلُكُمْ عَنِ النَّبِيِّ  
 أُنْزِلَ عَلَيْكُمْ<sup>155</sup>.

Maksudnya: Wahai kaum Muslimin sekalian, kamu telah bertanya kepada Ahli Kitab, padahal Kitab kamu yang diturunkan Allah kepada Nabi-Nya telah menceritakan berbagai macam cerita secara langsung daripada Allah yang kamu membacanya dan Kitab itu (*dijamin*) tidak akan rosak. Allah telah menceritakan kepada kamu bahawa Ahli Kitab telah mengubah apa yang ditetapkan Allah dan dengan kemampuan mereka telah mengubah kitab-kitab kemudian mereka menyatakan kitab itu dari Allah agar orang-orang menuarkannya dengan harga dunia yang murah. Apakah ilmu yang kamu terima itu tidak melarang kamu untuk bertanya kepada mereka ? Tidak demi Allah, aku tidak pernah melihat seorangpun di antara mereka bertanya kamu tentang Kitab (*Al-Qur'an*) yang diturunkan kepada kamu.

Manakala contoh lain ialah *athar* yang diriwayatkan oleh Abū Muḥammad bin ‘Abd al-Rahmān daripada Abū Hātim al-Rāzī berkenaan dengan huruf *Qāf* (ق) pada awal surah Qāf surah ke 50 dalam Al-Qur'an<sup>156</sup>.

Antara lain lagi riwayat mengenai Nabi Hārūn 'a.s. yang diceritakan oleh Bani Israil bahawa Baginda yang membuat patung lembu untuk Bani Israil dan menyeru mereka menyembahnya<sup>157</sup>. Fakta ini bertentangan dengan Al-Qur'an.

<sup>155</sup> Al-Bukhārī, Kitab *al-Syahādāt*, Bab *Lā Yūs' al-Ahl al-Syirk*, no. hadith 2488.

<sup>156</sup> Perbincangan mengenainya dapat dirujuk dalam Bab 4 di bawah tajuk *Jabal Qāf*. Ibn Kathīr (1998), *op.cit.*, 4 : 282 dan 283

<sup>157</sup> Syawqi Ibrāhīm (1991), *op.cit.*, h. 22; *Op.cit.*, *sifr al-Khurūj* 32: 1-24.

yang menyatakan orang yang membuat patung dan menyeru Bani Israil menyembahnya ialah Sāmīrī, bukannya Nabi Hārūn ‘a.s..

Begitu juga tentang kisah Nabi Sulaymān ‘a.s. yang diriwayatkan oleh Ibnu Jarīr al-Tabarī ketika mentafsirkan ayat 34 surah Ṣād, bahawa syaitan telah datang serta duduk dan menguasai singgahsana Nabi Sulaymān ‘a.s. dan menggauli isteri-isteri Nabi dalam keadaan berhaid tanpa disedari oleh isteri-isterinya bahawa itu adalah syaitan. Hanya Nabi Sulaymān ‘a.s. yang mengenali syaitan tersebut. Ketika itu Nabi Sulaymān ‘a.s. diuji dengan kesakitan. Cerita ini juga bertentangan dengan fakta Al-Qur’ān.

### 1.7.3 *Maskūt*

Ia membawa maksud cerita yang disampaikan itu tiada nas yang menyokong atau menolak. Justeru kemungkinan cerita itu benar atau dusta dan tiada dalil yang menunjukkan salah satu kemungkinan ini. Lantaran itu, umat Islam wajar mengambil sikap tidak mempercayai dan tidak menolak. Para Sahabat tidak mengeluarkan sebarang fakta atau maklumat berkenaan dan mengambil sikap mendiamkan diri terhadap riwayat tersebut<sup>158</sup>.

Dalam keadaan ini umat Islam tidak perlu bertanya dengan Ahli Kitab, - tidak perlu mengeluarkan sebarang kenyataan berkaitan dengannya dan hendaklah mengambil sikap mendiamkan diri dan berhati-hati. Nas Al-Qur’ān dan hadith

<sup>158</sup> Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 107 dan 108; Muḥammad bin Luṭfī al-Ṣabbāgh (1988), Dr., *Buhūth fi Uṣūl al-Tafsīr*. Beirut : Maktab al-Islāmi, h. 71.

Rasulullah s.a.w. mengandungi berita terkini berbanding kitab-kitab terdahulu dan mendapat jaminan tidak boleh diubah atau diselewengkan oleh sesiapa sahaja. Segala yang benar, tepat, terkini dan lengkap hanya di dalam Al-Qur'an dan juga penjelasan hadith Rasulullah s.a.w. Larangan mengeluarkan sebarang kenyataan berkaitan dengan sesuatu yang tidak pasti kebenaran dan kepalsuannya adalah untuk menghindarkan umat Islam daripada melakukan kesilapan dan kesalahan terhadap agama dan boleh mengelirukan orang lain yang tidak mendalam pengetahuan agamanya, iaitu kalangan awam.

Di samping itu juga, ia bertujuan agar umat Islam lebih mengambil sikap berwaspada, menjauhi perkara yang tidak pasti dan remeh temeh dan menumpukan kepada ajaran Al-Qur'an yang lebih penting dan utama. Apatah lagi Al-Qur'an sendiri tidak membicarakan hal-hal yang tidak penting. Andainya ia adalah sesuatu yang penting dan umat Islam perlu mengetahuinya, sudah pasti Allah menyatakannya melalui wahyu-Nya.

Ia juga bertujuan mengelak umat Islam dari berpegang pada dahan yang rapuh dan patah. Ini adalah penting kerana persoalan agama terutamanya akidah wajib berpegang dengan dalil *qat'i* dan meyakinkan. Dalil atau hujah yang tidak kuat dan bersifat *zann* mudah digugat keyakinannya dan dipermainkan. Ia mudah menampakkan kecacatan dan kelemahan yang membuka ruang kepada penyelewengan dan pendustaan.

Antara contoh riwayat yang tidak dapat dikenal pasti kebenarannya kerana tiada nas yang menerangkannya seperti contoh yang diriwayatkan oleh Ibn Kathir

dalam tafsirannya ketika menerangkan ayat-ayat 67-74 surah al-Baqarah sebagaimana berikut: Kisah seorang lelaki dari Bani Israil yang kaya mempunyai seorang anak gadis yang dilamar oleh anak saudaranya, tetapi lamaran itu ditolak. Kisah ini dibawa oleh al-Tabarī dengan berbagai riwayat yang tidak ada nas yang *sahīh* menceritakan cerita sebenar di sebalik ayat-ayat Al-Qur'an yang disebutkan oleh Allah<sup>159</sup>.

Jika diteliti sesuatu berita yang tidak pasti kedudukannya, tidak banyak mendatangkan faedah. Lebih-lebih lagi kandungan kitab Taurat dan Injil yang ada pada tangan penganutnya pada masa itu sudah banyak berubah dan jauh dari nas yang asal yang telah diubah oleh pendeta agama mereka, kecuali jika bertanya Ahli Kitab yang jujur, amanah dan ikhlas dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak.

Meneliti kepada fakta-fakta yang berkait dengan Israiliyyat, dapat dirumuskan bahawa unsur-unsur yang menyamai ciri ajaran agama Yahudi serta sumber mereka yang berada di dalam penulisan Islam merupakan riwayat berunsur Israiliyyat yang wajar ditangani dengan berhati-hati menggunakan kaedah metodologi periyatan hadith. Kemaujudannya tidak dapat dinafikan, lantaran, ia memerlukan penyelidikan berterusan dengan kaedah yang telah digunakan oleh ulama terdahulu.

---

<sup>159</sup> Kisah ini diceritakan secara umum dalam Al-Qur'an surah al-Baqarah (2) : 72. Al-Tabarī (1997), *op.cit.*, 1: 401.